

Jilid I
Bil. 12



Hari Rabu
22hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Dato' Musa bin Hitam [Ruangan 1537]

Y.B. Dr Leo Michael Toyad [Ruangan 1537]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1537]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1579]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) [Ruangan 1580]

Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) [Ruangan 1603]

Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan) [Ruangan 1615]

Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan [Ruangan 1635]

Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) [Ruangan 1639]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

.. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

.. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

.. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

.. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

.. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

.. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

.. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

.. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

.. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Stri Gading).

.. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

.. Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).

.. Timbalan Menteri Kedudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).

.. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).

.. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT (Selandar).

.. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).

.. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terai)
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).

- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- „ TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 22hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
perkerusi Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang
tersebut di bawah ini telah
mengangkat Sumpah seperti yang
disebutkan dalam Perlembagaan:

1. Dato' Musa bin Hitam.
2. Dr Leo Michael Toyad.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**SKIM LATIHAN
USAHAWAN BUMIPUTERA
LUAR NEGERI**

1. **Tuan Ahmad bin Omar** minta
Perdana Menteri menyatakan
bagaimana dan sejauh manakah usaha
Kementerian dalam membantu
mewujudkan usahawan-usahawan
bumiputera yang berjaya selepas
diberi peluang mengikuti program
latihan-latihan jangka pendek di luar
negeri terutamanya yang dijalankan
oleh Unit Perancangan dan
Pelaksanaan Jabatan Perdana
Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad**): Tuan
Yang di-Pertua, objektif utama Skim
Latihan Usahawan Bumiputera Luar

Negeri ialah untuk melatih dan
meningkatkan kecekapan berbagai
kategori usahawan dalam aspek
penting dalam pengurusan perniagaan
dan meninggikan daya serta minat
mereka. Latihan ini memberi peluang
kepada usahawan mendapat
pendedahan kepada idea dan
teknologi baru di luar negeri sebagai
langkah untuk memperbaiki/
meningkatkan perniagaan mereka
setelah kembali dari kursus.

Latihan ini berhasrat:

- (i) Mewujudkan usahawan yang
bermotivasi tinggi dan
mempunyai keyakinan dalam
mengendalikan perniagaan.
- (ii) Membangunkan usahawan-
usahawan yang berkebolehan
dan terlatih dalam teknik-
teknik pengurusan untuk
memastikan mereka berjaya
dalam perniagaan yang
diceburi.

Program ini juga membuka peluang
kepada usahawan-usahawan membuat
hubungan dagang dengan usahawan
luar negeri dan mempertingkatkan
perniagaan dan perdagangan.

Untuk memastikan bahawa
program ini mencapai kejayaan seperti
yang diharapkan, beberapa langkah-
langkah susulan telah diambil oleh
Kerajaan. Di antaranya ialah:

- (1) memberi khidmat sokongan dan
nasihat untuk membantu
mereka menjalankan
perniagaan masing-masing;

- (2) menubuhkan panel yang terdiri daripada wakil-wakil beberapa bank perdagangan untuk membantu usahawan-usahawan yang mempunyai cadangan-cadangan dan rancangan perniagaan yang berdaya maju dan memerlukan bantuan kredit dan kewangan;
- (3) mengadakan kajian penilaian untuk mengesan prestasi dan kemajuan peserta ini;
- (4) mengadakan bengkel susulan dari masa ke semasa untuk mengenal dengan lebih dekat lagi masalah yang dihadapi oleh peserta di mana juga diambil kesempatan untuk mendedahkan mereka kepada peluang-peluang perniagaan yang wujud dalam sektor awam dan swasta. Bengkel ini juga adalah bertujuan untuk memupukkan kerjasama di kalangan usahawan-usahawan itu sendiri;
- (5) menyebarkan maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan serta teknologi-teknologi baru dari dalam dan luar negeri; dan
- (6) memberi nilai sewajarnya kepada kursus perniagaan yang diikuti dalam mempertimbangkan pemberian kontrak-kontrak, peluang serta kemudahan perniagaan oleh Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan iaitu berapa banyakkah jumlah usahawan-usahawan yang telah dihantar ke luar negeri dan di samping itu apakah bidang-bidang yang telah dijalankan oleh mereka ini untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kesemuanya yang telah mendapat faedah daripada program ini ialah 615 orang usahawan yang terbahagi:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1983	139
1984	266
1985	210

Bidang-bidang yang ditekankan adalah seperti bidang perdagangan, bidang pembuatan, bidang pembinaan, bidang perkhidmatan yang mana misalnya perkhidmatan termasuklah pelancongan, pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan insuran dan sebagainya dan dari segi bidang pembinaan kejuruteraan, membuat jalan, pre-cast dan sebagainya. Inilah di antara program-program yang dijalankan.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada tempoh yang diberikan kepada usahawan-usahawan ini untuk menjalankan kursus di luar negeri, kalau saya tidak salah daripada tiga bulan yang lebih pendek, sama ada masa yang telah diberikan itu cukup untuk mendedahkan mereka ini kepada teknologi-teknologi tertentu dalam bidang latihan yang telah dijalankan. Jikalau masa itu tidak mencukupi, sama ada Kerajaan bercadang supaya berunding dengan negara-negara tertentu supaya masa untuk diberikan untuk satu latihan itu dipertingkatkan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak difikirkan soal cukup masa memang susah hendak ditentukan bagi satu-satu program latihan. Tetapi apa yang diputuskan di dalam satu-satu program telah pun diambil kira soal

cukup masa ini dari segi mendapatkan teknologi-teknologi dan pengetahuan-pengetahuan di dalam bidang yang saya sebutkan tadi.

FOREIGN EXCHANGE

2. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan memandangkan di atas langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan kita dalam tahun 1985 dan 1986 untuk memperolehi lebih "Foreign Exchange" kepada negara telah tidak begitu berkesan maka apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membawa lebih faedah kepada negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menjimat dan meningkatkan perolehan pertukaran wang asing adalah berkesan. Misalnya, dengan kawalan perbelanjaan sektor awam yang lebih ketat, negara telah dapat menjimatkan pengaliran ke luar negeri pertukaran wang asing sebanyak \$2,488.1 juta dalam tahun 1985, apabila import barangan berkurangan sebanyak 7.6% dari \$32,925.9 juta dalam tahun 1984 kepada \$30,437.8 juta dalam tahun 1985. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1986, import barangan adalah sebanyak \$16,142.5 juta, iaitu \$2,335.8 juta lebih rendah dari dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1985.

Langkah-langkah Kerajaan yang telah dilaksanakan demi meningkatkan persaingan eksport barangan buatan seperti melalui pengurangan kadar-kadar bayaran elektrik, pelabuhan dan telefon serta pengenalan kemudahan pembiayaan semula kredit eksport yang lebih menarik, telah membolehkan eksport barangan perkilangan negara meningkat sebanyak \$883 juta iaitu dari \$5,903 juta pada tempoh tujuh

bulan pertama tahun 1985 kepada \$6,786 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1986. Walau bagaimanapun, nilai eksport barang keseluruhannya telah jatuh sebanyak 8.2% atau \$1,820 juta, dari \$22,259 juta kepada \$20,438.2 juta bagi tempoh yang sama disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan Kerajaan, terutamanya penurunan harga-harga barangan utama di pasaran dunia seperti petroleum mentah, minyak kelapa sawit dan timah. Penurunan harga-harga enam barangan utama iaitu getah, kayu balak, petroleum mentah, timah, minyak kelapa sawit dan koko, telah mengurangkan nilai eksport sebanyak 25.7% atau \$3,111 juta dari nilai eksport sebanyak \$12,104.6 juta pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1985 kepada \$8,993.6 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 1986. Namun begitu, disebabkan oleh pengurangan import, negara telah dapat mencatat lebihan dalam imbalan dagangan sebanyak \$4,295.7 juta dalam tujuh bulan pertama tahun 1986 berbanding dengan \$3,780.7 juta pada tempoh yang sama tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kejayaan kita mengurangkan import dan meningkatkan eksport perkilangan, langkah-langkah jangka panjang yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran telah mula memberi kesan yang positif. Galakan-galakan yang diberikan oleh Kerajaan untuk mengembangkan industri pengangkutan serta insuran telah membolehkan defisit dalam akaun tambang dan insuran berkurangan dari \$2,132 juta pada tahun 1983 kepada \$1,732 juta pada tahun 1985. Pendapatan pertukaran wang asing dari perjalanan termasuk pelancongan dari bukan pemastautin juga telah meningkat dari \$1,326 juta pada tahun 1983 kepada \$1,497 juta pada tahun

1985, hasil dari langkah-langkah Kerajaan menggalakkan industri pelancongan Malaysia. Oleh yang demikian, defisit akaun perkhidmatan imbalan pembayaran telah berkurangan dari \$10,813 juta pada tahun 1984 kepada \$10,232 juta pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, pada 16hb Oktober tahun ini, Kerajaan telah mengurangkan pada kali ketiga kadar bayaran elektrik bagi perusahaan. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan kemudahan pembiayaan semula kredit eksport fasa kedua yang lebih menarik. Dengan langkah-langkah ini persaingan eksport negara dijangka akan dapat ditingkatkan lagi. Walau bagaimanapun, usaha untuk meningkatkan daya persaingan eksport negara bukanlah semata-mata bergantung kepada Kerajaan sahaja. Rakyat seharusnya meningkatkan daya pengeluaran, manakala firma-firma kita harus mengurangkan kos pengeluaran dengan mengadakan pengurusan yang lebih cekap serta melancarkan strategi pemasaran yang lebih agresif, supaya eksport negara dapat bersaing dan pasaran dengan lebih luas dan berkesan. Sekiranya daya pengeluaran negara dapat ditingkatkan dan kos pengeluaran dapat dikurangkan melalui kerjasama antara sektor swasta dan Kerajaan, saya percaya pendapatan pertukaran wang asing dari eksport negara dapat ditingkatkan lagi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kaji lagi satu cara untuk menampung foreign exchange, dengan izin, iaitu penjualan harta-harta seperti condominium kepada orang-orang asing untuk menampung lebih foreign exchange di negara kita.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Boleh.

PEGAWAI BADAN PENCEGAH RASUAH

3. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Pegawai Badan Pencegah Rasuah, tidak kira pangkat, pernah dijatuhkan hukum bersabit dengan rasuah;
- (b) jika ia, berapa ramai yang pernah dijatuhkan hukuman; dan
- (c) pangkat yang tertinggi Pegawai Badan Pencegah Rasuah yang pernah dijatuhkan hukum bersabit dengan rasuah.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada mana-mana Pegawai Badan Pencegah Rasuah dihadapkan ke Mahkamah bersabit dengan kes-kes rasuah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah bahawa memandangkan bahawa Badan Pencegah Rasuah adalah sebuah badan yang ditubuhkan untuk menjaga atau mencegah rasuah di antara semua pihak di negara kita, termasuklah khususnya pihak Kerajaan, termasuklah pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini apakah jentera yang ada sekarang untuk memastikan bahawa rasuah ini tidak timbul di antara ACA ini.

Yang kedua, pernahkah Yang Amat Berhormat menimbang kemungkinan untuk melantik seorang daripada pihak Pembangkang untuk mengetahui Badan Pencegah Rasuah ini supaya memastikan seorang yang amat bebas untuk melicinkan penyiasatan itu khususnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf. Soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Soalan asal ialah pegawai-pegawai berkenaan berapa banyak yang kena dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukum.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri memberitahu apabila ada pegawai-pegawai dari ACA ini terlibat dalam kegiatan rasuah, siapakah yang akan membuat siasatan terhadap mereka dan pihak manakah yang akan membuat tangkapan dan siapakah yang mendakwa mereka di mahkamah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja membenarkan satu pihak menyelidik tentang kerja-kerja pihak lain, pihak penyelidik itu juga diawasi oleh badan-badan tertentu di dalam negara kita, walaupun kita tidak ada rancangan untuk meminta ahli Pembangkang membuat penyelidikan ini, kerana ahli Pembangkang juga mungkin terlibat dengan rasuah. (*Ketawa*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat, apakah kemampuan dan kecekapan pegawai-pegawai dalam Badan Pencegah Rasuah yang ada sekarang sudah cukup untuk menghadapi kes-kes yang ada.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, agak sukar bagi saya untuk menentukan sama ada cukup ataupun tidak cukup, tetapi ukuran yang kita dapati ialah bahawa mereka ini berjaya mengesan kes-kes rasuah walaupun kejayaan mereka tentulah tidak dapat memenuhi kehendak semua pihak pada waktu ini.

PENYEBARAN KHABAR ANGIN

4. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai formula/

cara bagi mengurangkan orang ramai dari menyebarkan khabar-khabar angin yang boleh membabitkan kurang keyakinan orang ramai terhadap iklim politik dan ekonomi negara ini.

Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak mempunyai formula yang khusus bagi mengurangkan kegiatan penyebaran khabar angin di kalangan orang ramai mengenai iklim politik dan ekonomi negara ini. Namun begitu, pihak berkuasa dari semasa ke semasa sentiasa menyiasat untuk mencari punca penyebaran khabar-khabar angin tersebut dan jika terbukti, tindakan undang-undang akan diambil.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa faktor yang utama di mana khabar-khabar angin disebarkan ialah oleh kerana tidak ada kepercayaan dan ketidakyakinan kepada suratkhbar yang kita ada di Malaysia bahawa mereka tidak dibenarkan untuk membuat laporan yang bebas oleh kerana dikontrol oleh Kerajaan atau oleh kerana pemilikan oleh parti-parti komponen dalam Kerajaan dan bukanlah satu usaha untuk mengatasi masalah ini ialah dengan memberi kebebasan yang lebih tulin kepada akhbar-akhbar yang ada. Yang kedua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengenal pasti siapa penyebar khabar-khabar angin bahawa beliau antara Perdana Menteri yang terkaya dalam dunia ini. (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah lebih baik kita tepuk selepas kita dengar jawapan.

Yang pertamanya kalau kita baca suratkhbar—semua suratkhbar dalam Malaysia ini, kita akan dapati bahawa ramai daripada mereka

membuat kritik kepada Kerajaan yang mungkin tidak dapat mereka buat jika ada parti seperti parti DAP menjadi Kerajaan. (*Tepuk*) Kalau kita ingin mencari contoh, kita boleh cari contoh dengan mudahnya tentang ilham yang datang kepada DAP, punca ilham bagi parti DAP di Malaysia. Saya berpendapat bahawa walaupun ada orang yang percaya kepada berita-berita angin ini nampaknya majoriti daripada penduduk di dalam negara kita ini tidak percaya kepada berita angin, sebab itu mereka telah menunjukkan bahawa mereka masih mempunyai keyakinan bahawa parti yang ada sekarang ini menjadi Kerajaan, terus menjadi Kerajaan dengan sokongan daripada orang ramai. Ini menunjukkan bahawa berita angin ini cuma disebar oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka kerana mereka kecewa untuk mendapat sokongan daripada orang ramai.

Tentang penyebaran berita berkenaan dengan kekayaan saya ini, ini tentulah satu berita yang berbau politik. Tentulah ada orang-orang politik yang menyebarkan berita ini dan mungkin juga ada ahli dari parti Pembangkang yang tolong menyebarkan sama. (*Tepuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju kalau saya menyatakan bahawa menyebarkan berita angin yang paling hebat sekali di negara kita ialah dari parti Pembangkang DAP (*Tepuk*) dan peranan mereka ini telah menggugat

keyakinan ekonomi negara kita oleh negara-negara luar. Apakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan Akta Hasutan dan Akta ISA dengan lebih tegas lagi? (*Boo!*) (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, secara rasmi, saya tidaklah dapat membuat pengakuan apa-apa, tetapi mungkin ada orang lain yang berpendapat demikian dan mungkin pendapat mereka itu berasas. Kita tidak menggunakan Akta ISA kepada orang yang tidak bermaya dan tidak boleh buat apa-apa melainkan membuat berita angin. (*Tepuk*)

RANCANGAN FELDA— PERUNTUKAN

5. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah rancangan-rancangan yang diperkenalkan oleh FELDA bagi tempoh 1984, 1985, 1986 untuk Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan berapakah peruntukan yang diberi kepada setiap kawasan ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, FELDA menjalankan berbagai-bagai rancangan pembangunan tanah melalui pembukaan tanah-tanah baru di seluruh Malaysia dengan tujuan untuk meninggikan taraf ekonomi penduduk. Pembukaan tanah-tanah baru tersebut melibatkan usaha untuk menanam getah, kelapa sawit, koko dan mendirikan kawasan penempatan baharu.

Usaha-usaha FELDA dalam pembukaan tanah baru dan tanaman yang terlibat adalah seperti berikut:

PENCAPAIAN (HEKTAR)

Tahun	Matlamat (Hektar)	Getah	Sawit	Koko	Kampung	Jumlah	% Pencapaian
1984 ..	28,915	4,985	19,646	2,018	1,245	27,894	96.5
1985 ..	28,370	850	34,219	—	2,060	37,129	130.9
1986 ..	35,350	—	33,303	—	2,691	35,994	101.8

Jumlah peruntukan pembangunan yang diperakukan bagi tahun-tahun tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>		<i>Peruntukan</i>	<i>Jumlah</i>
		\$	\$
1984 ..	Semenanjung	294,880,400	426,500,000
	Sabah	131,619,600	
		<hr/>	
1985 ..	Semenanjung	367,197,390	429,423,220
	Sabah	62,225,830	
		<hr/>	
1986 ..	Semenanjung	325,666,660	426,732,000
	Sabah	100,181,190	
	Sarawak	884,150	
		<hr/>	

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah terdapat peneroka-peneroka FELDA ini yang melanggar syarat-syarat dan disiplin sebagai seorang peneroka sehingga mereka ini diambil tindakan dikeluarkan daripada tanah rancangan tersebut. Kalau jawapannya ya, berapa ramaikah bilangan mereka dan bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan menurut bilangan negeri di Malaysia?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bolehlah saya jawab sebagai benar dan tidak benar.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Bahawa di negeri Sabah juga tidak ketinggalan untuk menerima usaha FELDA. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada dua soalan iaitu (a) berapakah luas tanah yang telah diusahakan oleh pihak FELDA di dalam negeri Sabah dan apakah jenis projek yang sudah dikendalikan; (b) apakah kejayaan kemuncak yang sudah dicapai, khasnya untuk membantu penduduk-penduduk di luar bandar di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawabkah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Soalan sudah dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijawab.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pada tahun 1985, pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengadakan satu rancangan khas untuk menempatkan nelayan-nelayan di rancangan-rancangan FELDA. Saya ingin tahu, apakah dasar rancangan tersebut dan berapakah bilangan nelayan-nelayan yang telah pun ditempatkan di rancangan-rancangan FELDA di bawah rancangan khas tersebut sehingga ke hari ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, dasarnya ialah untuk memberi pertolongan kepada nelayan-nelayan yang mana kita mengetahui bahawa pendapatan mereka amatlah rendah. Kita mengharapkan apakala mereka memasuki rancangan FELDA maka suasana ekonomi mereka atau suasana hidup mereka akan bertambah baik. Dan berhubung dengan bilangan, saya tidak dapat memberi angka yang tepat pada hari ini. Saya mohon notis.

NELAYAN MENANGKAP IKAN DI LAUT

6. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah peratus nelayan yang mencebur dalam kegiatan pancingan ikan di laut kecil dan besar (deep-sea and ocean), jumlah hasil ikan yang ditangkap bagi lima tahun yang lepas dan sama ada diberi perangsang kepada pengusaha-pengusaha ikan bagi menggalakkan mereka berusaha lebih giat dalam bidang laut kecil dan besar.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan bahawa jumlah peratusan nelayan yang menceburkan diri dalam kegiatan menangkap di dalam laut dalam Malaysia ialah lebih kurang 11,000 orang atau 11% daripada jumlah bilangan nelayan. Jumlah ikan yang ditangkap dalam tempoh 5 tahun yang lepas di Malaysia ialah:

1981	686,446
1982	627,000
1983	686,463
1984.....	

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini metrik tan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tan Metrik.

Tuan Lau Dak Kee: Sila sebutkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

1984	600,473
1985	580,754

Galakan yang diberi kepada pengusaha-pengusaha yang berminat dalam bidang laut kecil dan besar ialah:

(a) mengeluarkan bilangan lesen tambahan;

(b) memberi kemudahan kredit dengan syarat-syarat yang mudah;

(c) mengadakan kemudahan pendaratan dengan membina kompleks dan pelabuhan perikanan;

(d) memberi pengecualian cukai pelaburan di bawah Akta Pelaburan;

(e) membatalkan cukai import bagi peralatan di atas kapal perikanan dan enjin disel;

(f) memberi perlindungan keselamatan di laut;

(g) menjalani penyelidikan di atas sumber perikanan di kawasan yang masih belum diterokai;

(h) memberi latihan dan khidmat sokongan pengembangan dalam bidang teknologi perikanan; dan

(i) menggalakkan perusahaan usahasama antara pengusaha Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, pengusaha Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak dan pengusaha perikanan Malaysia dan pengusaha perikanan asing.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kalau tidak silap saya Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan 11,000 nelayan yang menceburkan diri dalam kegiatan pancingan ikan di laut kecil dan besar. Oleh itu dalam Dewan yang mulia ini saya hendak bertanya kerana selalu soal kaum timbul, saya hendak bertanya berapa peratuskah kaum-kaum yang melibatkan diri daripada 11,000 orang tadi, orang Melayu, Cina dan India dan seterusnya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Bilangan 11,000 itu bilangan dalam

laut sahaja. Bukan nelayan pantai, dalam laut sahaja. Jumlah nelayan dalam laut 11,000 dan itu 11% dan kalau jumlah itu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat ada beberapa peratusnya. Adakah atau tidak. Jika tidak ada, khabar minta notis.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Peratus ada. 55% bumiputera dan 45% lain.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa tonnage penangkapan ikan itu sudah turun. Apakah sebab-sebab penangkapan ini tidak begitu berkesan sekarang dan adakah ini kena mengena dengan Akta Perikanan yang telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dipindahkan. Dan adakah pihak Kementerian hendak meminda Akta ini untuk nelayan-nelayan yang berkehendakkan perbuatan demikian.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan ikan yang ditangkap bukan sebab Akta Perikanan.

KERAJAAN YANG BERSIH/ CEKAP/AMANAH

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana pentadbiran Mahathir telah mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dan adakah beliau sedar bahawa rakyat semakin ragu mengenai keazaman Kerajaan bagi mencapai objektifnya. Apakah langkah-langkah konkrit telah diambil untuk mengurangkan halangan-halangan rasmi (red tape) dan mengendurkan peraturan di dalam Kementerian-kementerian, Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan bagi mengadakan lebih banyak khidmat-khidmat kepada orang ramai.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, matlamat untuk mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah merupakan satu proses yang berterusan. Pencapaiannya sudah tentu akan melibatkan program-program bertujuan memupuk sikap dan nilai-nilai yang tinggi di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Di antara dasar-dasar dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencapai matlamat ini adalah seperti berikut:

- (1) Dasar Pandang Ke Timur;
- (2) penekanan kepada peningkatan daya pengeluaran ataupun produktiviti, dengan izin;
- (3) langkah-langkah untuk mengurangkan red tape dalam Jabatan Kerajaan dan mengendurkan peraturan-peraturan di dalam Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan;
- (4) memodenisasikan Perkhidmatan Awam yang mana melibatkan langkah-langkah seperti berikut:
 - (a) mengadakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, Manual-manual dan peraturan-peraturan kerja yang lengkap dan kemaskini;
 - (b) mengurangkan lapisan membuat rujukan;
 - (c) mengkaji peraturan-peraturan dan proses kerja yang dijalankan di Jabatan-jabatan;
 - (d) meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan kaunter.

Kerajaan akan meneliti setiap masa pencapaian-pencapaiannya untuk memastikan kekesanannya dalam usaha untuk meningkatkan mutu

perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila keadaan ekonomi bertambah teruk dan beberapa tindakan Jabatan-jabatan dipersoalkan, antaranya masalah LPN dan kejadian tertembaknya dua orang pemuda belasan tahun oleh anggota Polis, adakah ini bukti objektif pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah tidak berkesan atau tidak dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta ulangkan semula, nampaknya tidak berapa terang.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Apabila keadaan ekonomi bertambah teruk dan beberapa tindakan Jabatan-jabatan dipersoalkan, antaranya masalah LPN dan kejadian tertembaknya dua orang pemuda belasan tahun oleh anggota Polis. Adakah ini bukti.

Tuan Yang di-Pertua: Tertembaknya?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Dua orang pemuda belasan tahun, yang heboh dalam suratkhbar baru-baru ini, adakah ini bukti objektif pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah tidak berkesan atau tidak dijalankan?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan sebuah Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah merupakan satu matlamat Kerajaan, dan saya telah menyatakan tadi langkah-langkah yang telah diambil. Tetapi di dalam proses pentadbiran sudah tentulah timbul keadaan di mana terdapatnya keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun beberapa langkah telah diambil oleh Kerajaan. Dari segi Kerajaan kita menerima apa-apa juga kejadian ini

sebagai pengalaman untuk kita memperbaiki keadaan pada masa akan datang.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan kepada Dewan ini sejauh manakah sumbangan yang telah dibuat oleh golongan parti Pembangkang khususnya DAP dan PAS. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: di dalam mewujudkan sebuah Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Kedua, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya, kalau saya katakan bahawa golongan rakyat yang ragu mengenai keazaman Kerajaan untuk mencapai objektif tersebut hanyalah terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat yang terdiri daripada parti DAP. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang pertama tak usah dijawab, yang nombor dua itu, sila.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Kalau diukur dari segi sungutan-sungutan yang berbangkit di dalam Dewan ataupun di luar Dewan, saya bersetuju. (*Tepuk*)

PENDATANG HARAM SEBAGAI PENGUNDI PILIHANRAYA

8. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat pendatang-pendatang haram Filipina dan Indonesia, termasuk juga pelarian-pelarian yang berdaftar sebagai pengundi di pilihanraya Negeri Sabah; jika terdapat, berapa ramai mereka; adakah mereka ini ditentukan mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa hanya Warganegara Malaysia sahaja yang layak didaftar sebagai pemilih untuk mengundi dalam pilihanraya dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian pendatang-pendatang haram dan pelarian dari Indonesia dan Filipina tidak didaftarkan sebagai pemilih dalam pilihanraya Sabah oleh Suruhanjaya Pilihanraya, kerana mereka tidak ditakrifkan sebagai warganegara di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah pemilih-pemilih yang telah didaftarkan bukan sekali, dua kali, tiga kali. Adakah ini menyebabkan kemenangan cemerlang yang dikatakan oleh Barisan Nasional di kawasan-kawasan yang dimenangi oleh ahli-ahli Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soal itu tidak bersangkutan (*Ketawa*), soal ini ialah bersangkutan dengan pendatang-pendatang haram.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat mendapati bahawa ada dokumen-dokumen yang palsu untuk warganegara pendatang ini atau pelarian ini sehingga mereka didaftarkan menjadi pemilih dan kalau tidak ada, adakah cadangan Kerajaan untuk membuat siasatan yang selanjutnya supaya tidak berlakunya hal yang demikian.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran adalah dibuat berasaskan kepada Kad Pengenalan Biru yang ditunjuk ataupun dikeluarkan oleh mereka yang ingin mendaftarkan diri masing-masing sebagai pemilih. Suruhanjaya tidak dapatlah memastikan cara mana Kad ini diperolehi ataupun sama ada Kad ini palsu ataupun tidak asalkan dapat dibuktikan bahawa

mereka ini mempunyai Kad Pengenalan Biru, mereka itu layak untuk didaftarkan.

SKIM PINJAMAN PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

9. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan membentuk satu tabung pusingan skim pinjaman bagi membantu pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri yang sedang menghadapi masalah kesulitan kewangan untuk membayar yuran pelajaran mereka yang semakin tinggi.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan tidak menubuhkan Tabung Pusingan Skim Pinjaman khas bagi membantu pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di luar negeri kerana jumlah yang terlibat pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri melebihi 50,000 orang. Adalah tidak munasabah untuk meminta Kerajaan bertanggungjawab dalam semua hal kebajikan penuntut-penuntut tersebut lebih-lebih lagi kerana sebahagian besar daripada mereka pergi dengan biaya sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran telah pun mengarahkan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri untuk mendapatkan maklumat dan keterangan dari pelajar-pelajar tertentu yang menghadapi masalah dan melaporkan kepada pihak kita, supaya kita dapat membantu menghubungkan dengan Yayasan-yayasan ataupun sektor swasta yang mampu membantu mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

HARGA RUNCIT GULA

10. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab mengapa harga runcit gula di negara

ini masih begitu tinggi sedangkan harga antarabangsa gula telah menurun begitu banyak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, harga runcit gula bertapis negara tidak semata-mata bergantung kepada harga gula di pasaran dunia. Harga runcit itu ditetapkan oleh Kerajaan berasaskan beberapa faktor seperti berikut:

- (i) kos gula mentah yang diimport melalui kontrak-kontrak jangka-panjang;
- (ii) kos gula mentah yang diimport dari pasaran terbuka; dan
- (iii) kos penapisan dan pengedaran gula oleh syarikat-syarikat gula tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kira-kira 85% daripada keperluan gula mentah negara masih diimport. Sebahagian daripada gula mentah yang diimport ini dibeli dari pasaran bebas dan sebahagian lagi dibeli melalui kontrak-kontrak jangka-panjang. Pembelian melalui kontrak-kontrak jangka-panjang bertujuan untuk menstabilkan harga runcit gula tempatan, selain daripada menjamin sebahagian daripada bekalan keperluan negara.

Kestabilan harga runcit gula tempatan dibuktikan misalnya semasa tempoh bulan Oktober, 1980, hingga ke bulan Jun 1981 bilamana harga gula dunia melambung tinggi ke paras \$1,560 satu tan metrik. Sekiranya harga runcit gula tempatan diasaskan hanya kepada harga gula di pasaran dunia, ia dianggarkan pada paras \$1.24 hingga \$1.55 satu kati (bersamaan dengan \$2.05 hingga ke \$2.56 satu kilogram). Akan tetapi harga runcit yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada masa itu hanyalah 75 sen sekati (bersamaan dengan \$1.24 sekilogram).

Kesimpulannya, kenaikan atau penurunan kos mana-mana satu faktor yang disebutkan di atas tidak akan mengakibatkan kenaikan atau penurunan harga runcit gula bertapis pada kadar yang sama. Ia bergantung juga kepada kos komponen-komponen yang lain, dan peratusan kos tiap-tiap faktor daripada jumlah kos kesemua faktor yang diambilkira itu.

Walau bagaimanapun, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harga gula bertapis tempatan pada masa ini boleh dianggap sederhana dan berpatutan jika dibanding dengan harga gula bertapis di negara-negara jiran dan juga Australia yang merupakan pengeluar dan pengekspor gula mentah dunia yang agak besar. Harga gula bertapis tempatan kini ialah \$1.10 sekilogram bagi Semenanjung dan \$1.20 sekilogram bagi Sabah dan Sarawak. Harga gula bertapis bagi negara-negara jiran dan Australia adalah seperti berikut:

Singapura	—	\$1.10-\$1.34	sekilogram
Indonesia	—	\$1.57	..
Thailand	—	\$1.34	..
Filipina	—	\$1.10	..
Australia	—	\$1.10	..

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri untuk memberitahu dari harga yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan bagi gula bertapis iaitu \$1.10 sekilogram, berapakah net profit, dengan izin, untuk pengeluaran gula ini?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, pada paras yang berpatutan supaya menjamin bekalan yang cukup bagi rakyat negara ini.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada harga runcit gula boleh dapat diturunkan sekiranya Gula Perak Berhad yang

kini juga hampir bankrap dan menghadapi masalah berbagai jenis tidak gagal? Adakah Yang Berhormat percaya bahawa harga gula runcit dapat diturunkan sekiranya Gula Perak Berhad masih hidup dan mengilangkan gula?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sukar hendak membuat ramalan atas andaian bahawa Gula Perak Berhad tidak bankrap.

PEKERJA YANG DI-BERHENTIKAN—PERLINDUNGAN

11. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Buruh menyatakan langkah yang boleh menjamin masa depan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja. Apakah Kerajaan akan menyediakan satu rancangan khas yang boleh melindungi kebajikan para-para pekerja yang terlibat. Sehingga hari ini, berapakah bilangan pekerja yang telah kehilangan pekerjaan semenjak zaman kemelesetan ekonomi melanda seluruh negara sejak 1982 hingga hari ini.

Timbalan Menteri Buruh (Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha bagi melindungi kebajikan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja, Kementerian saya melalui Jabatan Buruh akan menentukan mereka yang terlibat diberi semua faedah yang layak mengikut undang-undang buruh. Selain daripada itu, langkah-langkah berikut juga diambil bagi membantu mereka:

- (i) Mendaftarkan mereka yang berminat melalui Pejabat Pekerjaan dan menempatkan mereka ke peluang-peluang pekerjaan lain berdasarkan kepada kelayakan, kebolehan dan minat mereka.

- (ii) Memberi latihan semula kepada mereka yang terlibat dan berminat untuk mendapatkan kemahiran tertentu supaya mereka mendapat pekerjaan di sektor yang mempunyai banyak peluang-peluang pekerjaan. Kemahiran ini boleh juga mereka gunakan untuk menjalankan perniagaan atau perusahaan sendiri.

Bagi menyelaraskan langkah-langkah ini, Kementerian saya telah menubuhkan Jawatankuasa Petugas mengenai pemberhentian pekerja yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat, pertubuhan majikan dan wakil-wakil kesatuan sekerja. Jawatankuasa seperti ini juga telah ditubuhkan di peringkat negeri bagi menyelaras masalah pemberhentian kerja di negeri masing-masing.

Bagi menjawab bahagian kedua soalan ini, berdasarkan kepada rekod di Kementerian saya dari tahun 1982 sehingga bulan September, 1986 jumlah bilangan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan ialah seramai 89,830 orang. Walau bagaimanapun, angka yang tepat tidak dapat diberikan oleh kerana tidak ada undang-undang yang mewajibkan majikan melaporkan ke Kementerian saya apabila berlakunya pemberhentian pekerja-pekerja.

SKIM KHIDMAT SAMBILAN

12. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tempoh masa skim kor mahasiswa akan berlangsung;
- (b) alternatif-alternatif yang disediakan bagi mahasiswa-mahasiswa yang digajikan di bawah skim ini selepas tamatnya tempoh perkhidmatan mereka, iaitu selepas enam bulan;

- (c) adalah mereka yang digajikan lebih daripada setahun dalam sesuatu Jabatan diberi pertimbangan khas bagi jawatan-jawatan tetap. Sekiranya tidak, apakah nasib mereka; dan
- (d) apakah kriteria yang akan menentukan kejayaan seseorang mahasiswa terpilih untuk bekerja di dalam jabatan kerajaan yang tertentu atau menjadi sementara.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak ada program Skim Kor Mahasiswa yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Program yang ada dan sedang dilaksanakan ialah Skim Khidmat Sambilan. Program ini bermula pada 1hb Julai, 1986 sehingga 31hb Disember 1986. Di bawah program ini seramai 4,000 siswazah telah pun ditawarkan pekerjaan sambilan oleh Kerajaan.
- (b) Pencapaian dan kesan skim ini sedang dikaji oleh Kerajaan. Setakat ini belum ada apa-apa keputusan dibuat ke atasnya. Kerajaan sedang meneliti perkembangan selanjutnya.
- (c) Tidak. Mereka bolehlah memohon mana-mana jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka apabila ada iklan pengambilan disiarkan oleh mana-mana pihak Kerajaan.
- (d) Pengambilan ke perkhidmatan awam dibuat oleh Suruhanjaya-suruhanjaya yang berkenaan. Pemilihan adalah dibuat berasaskan kepada merit dan lazimnya di antara faktor-faktor

yang diambilkira, adalah seperti berikut:

- (i) Kelulusan dan kelayakan mengikut skim.
- (ii) Pengalaman.
- (iii) Kewibawaan.
- (iv) Penguasaan bahasa Inggeris.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi dengan Skim Kor Mahasiswa yang telah pun dilaung-laungkan oleh pihak Kerajaan? Dengan khidmat sambilan ini apakah kerja dibuat oleh pihak yang berjaya untuk menyertai khidmat ini dan selepas 31hb Disember akankah khidmat ini diteruskan ataupun khidmat yang lain akan diadakan? Itulah soalnya.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab tadi bahawa Skim Kor Mahasiswa tidak ada, yang ada ialah Skim Khidmat Sambilan. Itu sahaja yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR—MEMULIHKAN

13. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memulihkan keadaan pasaran saham di negara ini sejak kegagalan Pan-El pada November, 1985 dan sekatan-sekatan yang telah dilaksanakan untuk mencegah manipulasi pasaran saham; dan mengapa tindakan undang-undang tidak diambil terhadap orang yang mempergunakan (manipulate) seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura, pasaran saham untuk kepentingan sendiri di mana pasaran saham Malaysia dan Singapura dianggap sebagai sama.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, krisis Pan-El yang mengakibatkan penggantungan Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) selama 3 hari telah menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur dalam pasaran saham. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan semula keyakinan pelabur-pelabur di Pasaran Saham Kuala Lumpur termasuklah:

- (i) Menggalakkan syarikat-syarikat broker saham menyertai Skim "corporatisation" sebagai satu langkah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat-syarikat broker saham, meningkatkan "integrity" dan profesionalisma di dalam pasaran saham.
- (ii) Penubuhan tabung "Life boat" oleh PSKL dengan tujuan supaya semua urusan perniagaan saham di pasaran adalah terjamin walaupun terdapat syarikat broker saham yang tidak dapat memenuhi kontrak perniagaan dalam sekuriti.
- (iii) Memperkemas peraturan-peraturan PSKL bagi memastikan para pemegang saham minoriti dilindungi dari sebarang penyelewengan di samping menentukan supaya orang ramai, khususnya pelabur-pelabur, akan lebih maklum tentang prestasi sesebuah syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya Kerajaan akan terus mengawasi dengan rapi perjalanan dan kegiatan pasaran saham bagi mencegah penyelewengan dan amalan-amalan yang tidak sihat seperti kegiatan manipulasi termasuk

perdagangan palsu, penipuan dan dengan izin, insider trading yang boleh mengakibatkan kerugian kepada pelabur-pelabur kecil yang menjejaskan kewibawaan pasaran saham. Pengawasan yang dilakukan adalah melalui peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan peraturan-peraturan Pasaran Saham Kuala Lumpur sendiri.

Untuk memperkemas lagi pengawasan ini peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 sedang dipinda yang antara lain bertujuan memberi kuasa pemeriksaan yang lebih jelas dan nyata kepada pendaftarannya. Seperti yang kita maklum bahawa cadangan pindaan ini sedang pun dibahaskan.

Berhubung dengan tindakan Undang-undang yang diambil oleh Kerajaan Singapura terhadap orang-orang yang bertanggungjawab ke atas kegagalan Pan-El, perlu dinyatakan di sini bahawa aktiviti manipulasi berlaku dalam syarikat itu sendiri oleh kerana syarikat tersebut didaftar dan ditubuhkan di Singapura maka sebarang manipulasi yang berlaku di dalam syarikat tersebut adalah di luar bidang kuasa Kerajaan kita untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana skandal Pal-El ini sungguhpun berlaku di luar negeri telah menyebabkan kerugian yang begitu besar sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada mensifatkan skandal ini lebih serius daripada skandal BMF dalam Perhimpunan Agung UMNO, kenapa Kerajaan tidak mengeluarkan satu Kertas Putih atau satu laporan yang lengkap mengenai latar belakang skandal Pan-El bagaimana perkara semacam ini tidak akan berlaku? Sungguhpun ada Undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan

semacam "insider trading" dan lain-lain, bukankah benar bahawa sehingga sekarang tidak pernah berlaku sesiapa yang didakwa dan disabit salah dalam negara ini bahawa semua Undang-undang yang ada termasuk yang akan dipinda tidak ada berkesan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, banyak juga perkara-perkara lain yang besar di luar negeri berlaku tetapi kalau tidak ada kait mengait dengan kita, buat apa kita buat Kertas Putih. Ini seolah-olah DAP hendak tolong saudara dia di sana pula (*Tepuk*). (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah yang sebenarnya yang merumitkan bagi kita mengawal manipulasi pasaran saham?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui sebenarnya Undang-undang ataupun peruntukan-peruntukan di dalam Akta Sekuriti 1983 ini ada kelemahan-kelemahan maka orang-orang yang tidak begitu jujur menggunakan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam peruntukan ini. Oleh sebab itulah sekarang ini kita sedang membahaskan Akta ini untuk dipinda dengan peruntukan-peruntukan untuk membolehkan pihak yang bertanggungjawab terhadap pasaran saham ini dapat mengambil tindakan-tindakan yang lebih jitu lagi supaya mereka yang mengambil kesempatan ini dapat diambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka—itu yang utama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, di dalam dunia ini walau bagaimana kuat sekalipun Undang-undang, tetapi mereka yang hendak menipu, yang hendak membuat perkara-perkara yang tidak baik ini memang sentiasa mencari jalan. Dengan izin, Tuan

Yang di-Pertua, pada kebiasaannya, they are always a few steps ahead of the law. Walau bagaimanapun, kita akan cubalah sedaya upaya kita supaya mereka yang kita anggap sebagai musuh negara ini dapat kita hukumi mengikut peruntukan-peruntukan yang sewajarnya tetapi untuk kita hendak mendapat bukti-bukti yang nyata, ini menjadi kesulitan yang kita hadapi sekarang ini. Seperti saya katakan tadi, kita harap dengan adanya perubahan peruntukan-peruntukan ini kuasa akan diberi kepada yang bertanggungjawab supaya dapat memeriksa buku-buku mereka ini dengan lebih senang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

PETRONAS—KEUNTUNGAN/ PETROL STESEN

14. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah keuntungan bersih yang diperolehi oleh PETRONAS dalam tahun 1983, 1984 dan 1985 setelah dibayar royalti, duti eksport dan kesemua perbelanjaan am dan pentadbiran; dan
- (b) kegiatan-kegiatan PETRONAS dalam mengambil bahagian dalam penjualan minyak petrol dengan mendirikan stesen-stesennya sendiri di seluruh negara. Berapa stesen minyak yang telah, sedang dan akan didirikan di Negeri Sarawak setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):

- (a) Jumlah keuntungan PETRONAS yang telah diaudit

bagi tahun kewangan berakhir pada 31hb Mac 1983, 1984 dan 1985 setelah ditolak pembayaran royalti, duti eksport dan perbelanjaan pengurusan adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan Berakhir 31hb Mac	Jumlah Keuntungan	
	Sebelum Cukai	Sesudah Cukai
	(Juta Ringgit)	
1983	4.577	2.438
1984	5.202	2.922
1985	6.906	3.805

- (b) Sebahagian langkah-langkah PETRONAS untuk memajukan pasaran dan pendedaran bahan-bahan petroleum, PETRONAS telah membuka stesen minyaknya yang pertama pada bulan Julai 1981. Sehingga bulan Ogos tahun ini, jumlah stesen minyak yang beroperasi di seluruh negara ialah sebanyak 165 buah dan dijangka meningkat kepada 300 buah menjelang tahun 1990.

Bagi Negeri Sarawak, bilangan stesen minyak milik PETRONAS dijangka akan berjumlah 15 buah menjelang 1990 yang terdiri dari 5 buah yang sedang beroperasi sekarang ini, 5 buah sedang dalam pembinaan dan 5 buah lagi di dalam peringkat perancangan.

DISIPLIN PENUNTUT- PENUNTUT SEKOLAH

15. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah dan peraturan-peraturan mahupun undang-undang yang bakal dibuat bagi memupuk disiplin yang kuat dan ketat di kalangan penuntut-penuntut sekolah. Tidakkah guru-guru pun patut didisiplinkan juga sebagai contoh kepada murid-murid.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memupuk disiplin di kalangan penuntut-penuntut sekolah adalah:

1. Menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Disiplin Sekolah Kementerian Pelajaran yang dianggotai sama oleh wakil-wakil PIBG, Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan orang-orang perseorangan.
2. Mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1986: Langkah-langkah Keberkesanan Disiplin Sekolah.
3. Membetulkan amalan-amalan disiplin di sekolah melalui penerbitan buku-buku panduan:
 - (i) Panduan Am Disiplin Sekolah.
 - (ii) Panduan Bagi Ibu Bapa mengenai disiplin murid sekolah.
 - (iii) Mencegah Salahguna Dadah Melalui Kaunseling.
 - (iv) Tatacara Tindakan Ke atas Kes-kes Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Sekolah.
4. Mengemaskinkan pengurusan pentadbiran disiplin di sekolah dengan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Murid peringkat sekolah, daerah dan negeri.
5. Melancarkan program Pembangunan Iklim Sekolah ke Arah Peningkatan Disiplin yang dijalankan secara percubaan dulu bagi 190 buah sekolah.

Mengenai disiplin guru-guru pula, Kementerian Pelajaran memang mempunyai peraturan-peraturan tertentu bagi mengawal tatakelakuan

guru-guru. Di antara peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa ialah:

- (a) Perintah Am Bab "D" 1980.
- (b) Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pelajaran PU (A) 90/1974.
- (c) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1985 mengenai pakaian pegawai awam.
- (d) Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Bil. 6/1985 mengenai pakaian guru-guru semasa bertugas.
- (e) Tatasusila Profession Perguruan Malaysia.

PENYAKIT AIDS

16. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kedudukan akhir penyakit AIDS seperti orang-orang yang terlibat dan pembawanya;
- (b) adakah semua bank darah di negara ini dilengkapi untuk ujian penyakit AIDS; dan
- (c) adakah darah-darah yang tidak diperiksa itu digunakan untuk transfusi.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada kes AIDS yang terdapat di Malaysia sehingga hari ini. Daripada kajian darah ke atas penderma darah dan mereka yang berisiko tinggi daripada bulan Julai hingga Disember 1985, Kementerian Kesihatan telah dapat mengesan 5 pembawa penyakit AIDS. Mereka ini tidak mengalami apa-apa gejala atau tanda penyakit AIDS tetapi mempunyai antibodi AIDS di dalam darah mereka.

(b) Semenjak bulan Julai 1986, 17 buah Bank Darah di semua Hospital Besar dan 3 buah Hospital Daerah di seluruh negara telah dilengkapi dengan peralatan untuk ujian penyakit AIDS. Hospital-hospital berkenaan adalah seperti berikut—

1. Hospital Besar, Kangar, Perlis
 2. Hospital Besar, Alor Setar, Kedah
 3. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang
 4. Hospital Besar, Ipoh, Perak
 5. Hospital Besar, Kuala Lumpur
 6. Hospital Besar, Klang, Selangor
 7. Hospital Besar, Seremban, Negeri Sembilan
 8. Hospital Besar, Melaka
 9. Hospital Besar, Johor Bahru, Johor
 10. Hospital Besar, Kota Bharu, Kelantan
 11. Hospital Besar, Kuala Terengganu, Terengganu
 12. Hospital Besar, Kuantan, Pahang
 13. Hospital Besar, Kota Kinabalu, Sabah
 14. Hospital Besar, Kuching, Sarawak
 15. Hospital Daerah, Taiping, Perak
 16. Hospital Daerah, Telok Intan, Perak
 17. Hospital Daerah, Muar, Johor
- Darah-darah yang diterima daripada hospital-hospital

daerah yang lain akan dihantar ke hospital berdekatan tersebut di atas untuk ujian penyakit AIDS.

- (c) Untuk memastikan darah-darah yang diterima oleh bank darah adalah selamat untuk transfusi, Kementerian Kesihatan telah mengambil tindakan tidak menerima pendermaan darah daripada golongan homoseksual, pelacur, penagih dadah, pesakit penyakit kelamin dan banduan-banduan daripada semua penjara di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Kesihatan memang ada rancangan untuk memastikan bahawa semua darah yang diterima oleh tabung darah adalah diuji untuk penyakit AIDS.

PENGENALAN BANGSA

17. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sebab-sebab tertentu yang meminta pengenalan bangsa ke atas semua borang-borang Kerajaan.
- (ii) adakah beliau sedar bahawa amalan tersebut mengakibatkan perpecahan kaum yang lebih besar. Jika ia, adakah pihak Kerajaan akan memansuhkan pengenalan bangsa ke atas semua borang-borang Kerajaan.

Tuan Kasitah Gaddam: Tidak semua borang-borang Kerajaan meminta pengenalan bangsa. Maklumat mengenai pengenalan bangsa diperlukan hanya untuk tujuan-tujuan tertentu sahaja seperti urusan perangkaan dan pelaksanaan dasar-dasar negara, khususnya Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan tidak menganggap bahawa amalan tersebut mengakibatkan perpecahan kaum kerana ia dibuat bagi tujuan yang baik.

UNIVERSITI/MAKTAB BARU—PENUBUHAN

18. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang mengizinkan pertubuhan Universiti-universiti dan maktab-maktab Pelajaran Tinggi yang baru, oleh sektor awam atau swasta, untuk memperbanyakkan peluang dan tempat pelajaran di tanahair Malaysia.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah saya jawab pada 13hb Oktober, 1986 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Saya juga telah mengulas perkara ini dalam ucapan menggulung saya pada 15hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak bercadang untuk menambah lagi kepada jawapan itu.

SKANDAL KWSP

19. **Dr V. David** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang melantik sebuah Lembaga Pertanyaan untuk menyiasat skandal Kumpulanwang Simpanan Pekerja (EPF) dan meyakinkan semula taraf kepercayaan pencarum-pencarum di atas kumpulanwang ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 9hb Oktober, 1986.

KWSP—PELABURAN ATAS CARUMAN

20. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan

diambil oleh KWSP bagi membaiki sistem pelaburannya agar wang caruman para pekerja tidak disia-siakan dan mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerja yang mencarum.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 10hb Oktober, 1986 saya telah pun menyatakan bahawa Panel Pelaburan KWSP telah pun menetapkan beberapa garis panduan bagi memastikan bahawa kegiatan-kegiatan pelaburannya dijalankan dengan teliti untuk menjamin pulangan yang maksima kepada pencarum-pencarum KWSP.

Ringkasnya, strategi pelaburan oleh KWSP ialah untuk mempelbagaikan bentuk pelaburan bagi menentukan pulangan yang stabil dan selamat supaya faedah yang berterusan kepada pencarum-pencarumnya adalah terjamin.

PENEMBAKAN ELMI TAHIR

21. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil dari penyiasatan yang dijalankan berkenaan dengan penembakan Elmi Tahir di Kuala Lumpur pada bulan Ogos tahun ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh pada 14hb Oktober, 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

22. Dr V. David minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kepada Dewan latar belakang dan

sebab-sebab yang mewujudkan penetapan Labuan menjadi sebuah Wilayah Persekutuan dan adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menimbang mengadakan pilihan pendapat (plebiscite) dari rakyat untuk menentukan masa depan Labuan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Cadangan hendak menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah pun disuarakan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak tahun 1983. Cadangan ini menjadi kenyataan apabila pada 16hb April, 1984, Labuan telah diistiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Dalam penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan semua tatacara yang diperuntukkan di bawah undang-undang telah pun diikuti. Satu Rang Undang-undang Akta Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan 1984 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah untuk diperbahaskan dan ianya telah pun diluluskan. Akta Perlembagaan Pindaan (No. 2 1984) telah juga dikemukakan ke Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan dan ianya telah pun diluluskan. Dalam pada itu juga, Kerajaan Negeri Sabah pernah mengadakan perundingan dengan Persatuan-persatuan Masyarakat, peniaga-peniaga mengenai cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Ini membuktikan bahawa penyerahan Labuan telah dibuat mengikut tatacara demokrasi yang perlu diikuti dan dengan itu soal mengenai pilihan pendapat (plebiscite) tidak perlu timbul lagi.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengistiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan akan memberi beberapa faedah kepada rakyat di Malaysia amnya dan Labuan khususnya. Ianya akan mempercepatkan proses integrasi nasional dan juga

memperkukuhkan keselamatan negara memandangkan kedudukan Pulau Labuan yang strategik. Kerajaan Pusat akan menyenggara dan mempercepatkan tempoh pembangunan di pulau itu di samping memperbaiki infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain. Kerajaan Pusat juga mampu membangunkan Labuan untuk membolehkan pulau itu memainkan peranan dalam bidang-bidang seperti perniagaan dan perdagangan, pelancongan dan pusat persidangan serantau dan antarabangsa.

PILIHANRAYA—MENTERI GUNAKAN KEMUDAHAN KERAJAAN

23. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa semasa pilihanraya umum baru-baru ini, beberapa Menteri Kabinet telah menggunakan kenderaan-kenderaan dan pejabat-pejabat Kerajaan untuk berkempen dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan bertujuan mengambil terhadap mereka yang terlibat.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Adalah sukar bagi saya menjawab pertanyaan ini melainkan Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan butir-butir lanjut untuk membolehkan saya menyasat seterusnya. Sayugia dimaklumkan bahawa sebagai "caretaker" kepada Kabinet. Ahli-ahli Jemaah Menteri layak menggunakan kemudahan-kemudahan Kerajaan bagi tujuan menjalankan tugas-tugas rasminya.

KOPERASI SERBAGUNA MALAYSIA—PENGGANTUNGAN

24. Tuan P. Patto minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah amaun simpanan (deposit) yang telah dikutip oleh Koperasi Serbaguna

Malaysia (KSM) sehingga hari penggantungannya;

- (b) jumlah amaun simpanan (deposit) iaitu yang telah digunakan untuk pelaburan dan jenis pelaburan yang telah dibuat itu;
- (c) aset (assets) dan liabilitinya (liabilities) pada hari penggantungannya; dan
- (d) jumlah amaun simpanan (deposit) yang kini berada untuk membayar sebarang pengeluaran (withdrawal) yang dipohon.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Saya tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu kerana maklumat-maklumat tersebut adalah maklumat sulit atau (dengan izin, Privileged Information) bagi Koperasi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, Syarikat Koperasi merupakan suatu Pertubuhan Persendirian (dengan izin, Private Organization) dan didaftarkan sebagai suatu badan berkanun (dengan izin, body corporate) di bawah Akta Koperasi yang dikehendaki membentangkan akaun perniagaan, akaun untung-rugi, penyata harta dan tanggungan dan sebagainya kepada ahli-ahlinya sahaja. Oleh itu sekiranya Ahli Yang Berhormat adalah Ahli Koperasi berkenaan dan ingin mengetahui maklumat-maklumat tersebut maka terpulanglah kepada beliau untuk mendapatkan maklumat itu daripada Koperasi berkenaan.

ALEX Y. L. LEE (D & C BANK)—TUDUHAN

25. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Negara tidak mengambil apa-apa tindakan untuk mendakwa

pengurus besar merangkap pengarah eksekutif Development and Commercial Bank Limited, Alex Y. L. Lee, dalam tahun 1984 walaupun Bank Negara mendapati beliau telah melanggar Akta bank, Akta Cukai Pendapatan, Akta Syarikat serta juga melakukan penyalahgunaan amanah dan kuasa.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah menjawab perkara yang dibangkitkan ini semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 13hb Oktober 1986.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam Undang-undang berhubungan dengan Hakcipta dan

bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, minta habiskan dalam lima minit, selepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.38 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Syarikat Roxy Electric bersama Lembaga Pengarah dan pemilik majoritinya iaitu Ahli dari Batu dan syarikatnya IREX Sdn. Bhd. tidak bersikap terbuka dan jujur juga dengan keputusan mereka menjual 64.2% pemilikan Ahli dari Batu kepada golongan tertentu. Pada mulanya pengumuman jualan kepada Syarikat Melewar Corporation dibuat. Kemudiannya cadangan ini dibatalkan. Berikutnya pada 29hb September, 1986 satu keputusan jualan 64.2% ekuiti Roxy dengan harga \$240 juta dijanjikan dengan satu Syarikat Bukit Tunku Nominees yang bermodal hanya \$2 dan pemilikan Dr Chan Chin Cheung sewajarnya

dipersoalkan oleh pihak berkuasa terutama CIC—adakah sebuah syarikat bermodal \$2 mampu membeli ekuiti bernilai \$240 juta dan siapakah yang akan memberi loan atau pinjaman keperluan?

Dan mengapakah harga bersama iaitu \$2.76 sen satu saham tidak ditawarkan kepada pemilik saham minoriti untuk pertimbangan jualan saham mereka juga. Mengapakah mereka dianaktirikan sebab harga terdapat di pasaran pada 17hb Oktober, 1986 hanya \$1.60 sen. Bolehkah dan sewajibkah CIC memberi pengecualian ini?

Persoalan dan tindakan siasatan sepatutnya bermula atas urusan saham-saham antara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Syarikat Makuwasa Sdn. Bhd. yang bermodal \$2 juga. Difahamkan saya bahawa KWSP menjual 70% saham-sahamnya yang diperuntukkannya dengan harga diskaun kepada Makuwasa dengan harga bersama juga dan terdapat saya bahawa Makuwasa jualan saham berkenaan di pasaran saham dengan harga berganda dua atau tiga kali memperolehi keuntungan sekurang-kurangnya \$9.7 juta.

Bolehkah KWSP menolak keuntungan jualan saham dan diberinya kepada Makuwasa keuntungan berkenaan? Bolehkah juga Kerajaan dan Makuwasa menggunakan saluran KWSP untuk mendapat saham berharga diskaun? Jika pihak berkuasa mematuhi Undang-undang EPF dan Akta KWSP dan menyasat memanglah akan terdapat penyelewengan. Kegagalan dan peruntukan 24 buah Koperasi kewangan melibatkan \$1.6 bilion dan pencarum-pencarum sebanyak 540,000 orang berikutan dengan kelemahan dan kekurangan kawalan oleh pihak berkuasa perindustrian sekuriti. Kebanyakan pengarah Koperasi kewangan yang terlibat

menjadi Pengarah-pengarah Syarikat-syarikat yang disenaraikan juga. Banyak daripada mereka memperalatkan pinjaman dan kemudahan kewangan Koperasi kewangan mereka untuk melabur dalam syarikat-syarikat mereka dan membeli saham-saham syarikat-syarikat mereka.

Dengan kejatuhan harga-harga saham dan kegagalan sebarang syarikat berikutan skandal Pan-El, pengarah tersebut tidak berkemampuan membuat pembayaran faedah atau pinjaman pokok atau memulangkan semua kemudahan kewangan yang digunakan oleh mereka. Jadi, meletuplah skandal koperasi yang baru ini.

Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM) iaitu tajaan MCA adalah contoh yang mempunyai pengarah-pengarah bersama-sama. Mereka hanya mementingkan diri sendiri dan syarikat-syarikat mereka. Hari ini pemilik minoriti KSM yang kerugian. Siapakah yang bertanggungjawab dan siapakah yang bersalah? Sekarang sesudahnya burung-burung terbang pergi dan sesudahnya ikah Yu makan kenyang, melainkan seorang tetamu khas Kerajaan Singapura, setakat hari ini belum ada sesiapa yang dipenjarakan di Malaysia atas kesalahan tertentu Akta Perusahaan Sekuriti (APS). Hari ini Kerajaan Barisan Nasional memutuskan membikin sangkar burung baru dan jerat ikan Yu baru dengan pembentangan pindaan APS 1986.

Rang Undang-undang (Pindaan) ini berkurangan daya hukuman atas kesalahan dan pelanggaran undang-undang serius, tidak terdapat peruntukan tertentu dalam APS yang mengenakan hukuman atas kesalahan kepada saudara-mara dan nominees maka membolehkan kelepasan mereka yang berniat tipu-menipu atau mengelirukan secara memperalatkan saudara-mara dan nominees.

Hukuman yang dikenakan kepada sesiapa yang enggan memberi maklumat dan kepada kesalahan kerahsiaan atau kemusnahan rekod-rekod tidak keseimbangan dengan hukuman untuk kesalahan serius sebagai, dengan izin, market rigging, insider trading and price manipulation.

Jadilah hukuman ringan sebegini akan menggalakkan mereka yang bersalah besar berpakat dengan mereka yang harus memberi maklumat untuk menanggung kesalahan kecil dengan begitu melepaskan "ikan Yu" dan kemungkinan menangkap "ikan bilis" sahaja.

Di peringkat ini cukuplah kita mengutamakan jika pihak penguatkuasa tidaklah diisi-penuhi dengan pegawai-pegawai terlatih dan berilmu dengan kaliber tertinggi dan kejujuran integriti mereka, maka penguatkuasaan semua peruntukan undang-undang tidak akan berkesan. Kelemahan dan kesulitan CIC bergiat menguatkuasakan semua undang-undang atas skandal-skandal raksasa yang terjadi, membuktikan anggota-anggota CIC sekarang berkurangan kemerdekaan. Diragui tidak terdapat ada peruntukan atau cadangan mewajibkan semua Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Menteri Besar, Ketua Menteri, Ahli Exco Negeri dan Ketua-ketua Jabatan/Kementerian yang menguatkuasakan Akta ini mengisytiharkan kepentingan dan kepunyaan mereka dalam saham-saham yang disenaraikan dan yang tidak disenaraikan daripada semasa ke semasa. Sebab beberapa skandal, skandal kewangan yang terbesar yang menggemparkan negara ini adalah penglibatan ahli-ahli dan tokoh-tokoh politik.

Saya berpendapat tindakan yang akan lebih berkesan dan lebih bermakna adalah penubuhan satu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang

sewajarnya dianggotai oleh pakar-pakar pasaran sekuriti, pakar kewangan, pakar undang-undang, pakar banking, wakil PSKL, wakil Persatuan Consumers dan wakil pelabur kecil. Tidak boleh perlantikan mereka itu diserahkan kepada Kerajaan atau Bank Negara, sebab mereka yang dilantik sewajarnya akan berkaliber dan berilmu tertinggi, bersifat jujur dan hati yang tulus ikhlas dan akan bertindak dengan bebas dan merdeka. Mereka sepatutnya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas cadangan persatuan atau pertubuhan berkenaan masing-masing atau orang awam daripada semasa ke semasa selama tempoh tiga tahun sekali.

Dengan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, sepatutnya Perbadanan CIC dibubarkan dan fungsi-fungsi dan tugas-tugasnya itu diserahkan kepada Suruhanjaya yang dicadangkan ini. Melainkan mengambilalih semua tugas CIC, Suruhanjaya ini akan mengawal dan menguatkuasakan semua undang-undang dan peruntukan APS dengan bebas, tanpa penekanan dari sesiapa pun atau daripada pemimpin-pemimpin politik.

Tibalah waktu kita berhajat dan berazam bersama-sama supaya memulihkan kepercayaan dan keyakinan dalam perindustrian sekuriti kita dan saya haraplah kita semua akan memberi penelitian berat kepada pindaan APS hari ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ng Cheng Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang

Perindustrian Sekuriti (Pindaan), 1986 ini, terutama mereka yang telah memberi pandangan serta cadangan yang baik dan bernas. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa pandangan serta cadangan itu akan diperhatikan oleh Kerajaan.

Seperti yang saya telah terangkan semasa Rang Undang-undang ini dibentangkan semalam, tujuan utama Rang Undang-undang ini adalah untuk memulihkan keyakinan orang ramai, khususnya para pelabur terhadap industri sekuriti di negara ini, selain daripada memperkemas lagi pentadbiran Akta Perindustrian Sekuriti, 1983, sejajar dengan kehendak semasa serta hasrat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini akan membolehkan penyertaan badan-badan korporat menjadi ahli Bursa Saham Kuala Lumpur. Dengan penyertaan badan-badan korporat adalah diharapkan bahawa kedudukan kewangan KLSE akan diperkukuhkan dan statusnya akan ditingkatkan lagi ke arah status antarabangsa. Langkah ini diharapkan akan memulihkan keyakinan para pelabur terhadap saham di negara ini.

Di samping itu, Rang Undang-undang ini akan membolehkan segala kesalahan yang berkaitan dengan perniagaan sekuriti sebagai penipuan dalam pasaran, perdagangan palsu, manipulasi pasaran saham, menyebarkan maklumat yang palsu dan mengelirukan, dengan izin, insider trading dan lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan perindustrian sekuriti dijadikan lebih nyata dan diberi hukuman yang lebih berat. Dengan itu adalah diharapkan bahawa kepentingan pelabur-pelabur kecil akan diberikan perlindungan yang lebih kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan? Adakah hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ng Cheng Kiat: Beri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di Pertua, tadi Yang Berhormat ada menyatakan hendak melindungi kepentingan pelabur-pelabur kecil, tetapi kalau mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu banyak wang yang terlibat dengan skandal Pan-El menjejaskan sekuriti Bursa Saham dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya, terutamanya Suruhanjaya Di Raja untuk menyasat bagaimana kita dapat membantu pelabur-pelabur kecil atau pertengahan untuk kepentingan mereka.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Kepong bersabar sedikit, sebab saya pun belum habis menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang beberapa perkara yang ada kaitan dengan pasaran saham pada amnya yang saya fikir perlu dijelaskan. Umpamanya, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menyentuh tentang kemerosotan harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menafikan bahawa harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur telah merosot kepada satu paras yang rendah pada satu ketika beberapa bulan yang lepas. Walau bagaimanapun, sejak beberapa minggu yang lepas harga saham nampaknya telah meningkat balik kepada satu paras yang munasabah.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemerosotan harga

saham di sesuatu pasaran saham bukan disebabkan oleh satu atau dua faktor sahaja, tetapi disebabkan kombinasi beberapa faktor utama, khususnya keadaan ekonomi serta suasana politik di sesuatu negara.

Bagi negara kita prestasi ekonomi kita kurang memuaskan kebelakangan ini serta suasana politik yang kurang tertentu, khususnya sebelum pilihanraya bulan Ogos serta krisis Syarikat Pan-El di Singapura adalah antara faktor-faktor yang menyebabkan harga saham di pasaran saham kian merosot.

Walau bagaimanapun, dengan selesainya pilihanraya yang mana Barisan telah mencapai kemenangan yang besar, harga saham telah mula meningkat baru-baru ini. Bagi memulihkan keadaan ekonomi kepada satu tahap yang lebih memuaskan, Kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah seperti insentif-insentif baru kepada pelabur-pelabur asing, mengurangkan kos bekalan elektrik bagi penguasa-penguasa kilang dan sebagainya.

Dengan ini adalah diharapkan bahawa ekonomi kita akan menjadi lebih baik pada masa depan dan ini akan membawa kesan yang positif kepada harga saham di pasaran saham negara kita. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas khuatir sama ada Kerajaan dapat menentukan. . . .

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, on a point of order. Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: 35 (6)—Peraturan-peraturan Berbahas, oleh kerana Bil ini, antara lain, oleh kerana skandal Pan-El dan kita semua tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri masa lampau ialah Penasihat Undang-undang kepada Tan Koon Swan, orang yang mencipta skandal

Pan-El. 35 (6) ialah bahawa seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalam faedah kewangan, pecuniary interest. Saya mahu tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri masa itu apabila Pan-El scandal berlaku adalah menasihati Tan Koon Swan dalam perkara Pan-El. Kalau ada dalam kapasiti undang-undang atau apa-apa kapasiti, kalau ada menimbulkan perkara pecuniary interest, bukan sahaja tidak mahu timbul political aspect tetapi ada pecuniary interest. Saya mahu bertanya sama ada pecuniary interest atau tidak ada, dan kalau ada, beliau boleh isytiharkan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Jawapan saya tidak ada. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas khuatir sama ada Kerajaan dapat menentukan bahawa nilai saham-saham yang diterbitkan dan dijual kepada orang ramai adalah nilai sebenarnya. Ahli Yang Berhormat menentukan pentingnya diatasi masalah ini memandangkan bahawa institusi-institusi bumiputera juga adalah diperuntukkan sebahagian daripada saham-saham yang diterbitkan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya ingin menerangkan bahawa pada membuat penilaian ke atas saham-saham itu, perkara ini terlebih dahulu ditapis oleh Jawatankuasa Terbitan Modal atau CIC untuk menentukan bahawa saham-saham itu mempunyai sandaran assess, dengan izin, assess backing, setimpal dengan harga saham itu. Kriteria lain juga diambil kira dalam menilai harga saham itu seperti potensi syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Bukit Mas juga menyentuh tentang krisis Syarikat Pan-El. Seperti yang saya telah terangkan Kerajaan memang mengakui bahawa krisis Syarikat Pan-El yang telah mengakibatkan penggantungan

peniaga saham di KLSE serta SES selama tiga hari pada tahun lalu telah menyebabkan kemerosotan harga saham di Pasaran Saham Kuala Lumpur dan di Singapura. Kita tidak juga menafikan bahawa krisis ini telah membawa kerugian dari segi market capitalisation, dengan izin, yang berjumlah berjuta-juta ringgit kepada pemilik-pemilik saham. Walau bagaimanapun.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan, adakah Yang Berhormat hendak beri?

Tuan Ng Cheng Kiat: Beri, beri.

Dr Eng Seng Chai: Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, jika tidak penggantungan Pasaran Saham Kuala Lumpur seluruhnya, tetapi adalah penggantungan sahaja Syarikat Pan-El, bolehkah kita menghadapi suatu krisis yang begitu besar berikutan penggantungan semua pasaran.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini hypothetical, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak juga menafikan bahawa krisis ini telah membawa kerugian dari segi market capitalisation, dengan izin, yang berjumlah berjuta-juta ringgit kepada pemilik-pemilik saham. Walau bagaimanapun, kerugian ini bukanlah merupakan kerugian tetap. Kini dengan pulihnya harga saham di pasaran sama KLSE serta SES maka kerugian ini telah dikurangkan. Perlu saya tegaskan di sini bahawa mereka yang terlibat dalam kes Pan-El ini telah mengambil tindakan undang-undang oleh Kerajaan Singapura dan saya tidak ingin menambah apa-apa lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa krisis dan skandal Pan-El sebenarnya pun krisis dan skandal MCA?

Tuan Ng Cheng Kiat: Dakwaan itu tidak benar. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Bukit Mas juga menyentuh tentang spekulasi yang sering kita.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Ng Cheng Kiat: Tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu beri jalan? Sila teruskan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tidak mahu beri jalan.

Dr Eng Seng Chai: Berani sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat jangan menggunakan perkataan berani ataupun tidak. Soal di sini bukan soal berani, soal dia tidak mahu beri jalan, itu sahaja (*Tepuk*).

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi banyak peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan Bukit Mas juga menyentuh tentang spekulasi yang sering berlaku di pasaran saham di negara kita sehingga pasaran saham kita adalah seolah-olah satu kasino. Kerajaan memang tidak menafikan bahawa spekulasi yang berlebihan atau excessive, dengan izin, adalah tidak sihat dan perlu dihapuskan. Walau bagaimanapun, elemen spekulasi di sesuatu pasaran saham tidak boleh dielakkan, bahkan ia wujud di mana-mana pasaran saham sahaja. Sebenarnya, spekulasi pada paras yang minima perlu wujud untuk menentukan supaya sesuatu pasaran

saham itu bergiat secara aktif dan dinamik. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan di KLSE untuk menentukan supaya spekulasi yang tidak berlebihan berlaku dan dengan adanya Rang Undang-undang ini serta peraturan-peraturan KLSE itu sendiri, Kerajaan yakin akan dapat mengawal segala spekulasi yang berlebihan sekiranya ianya wujud.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas juga membangkitkan perkara yang berkaitan dengan pemisahan perusahaan Bursa Saham Kuala Lumpur dengan Bursa Saham Singapura secara mutlak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini memang di dalam pertimbangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, ingin saya menyatakan di sini bahawa perkara ini adalah rumit oleh kerana pada masa ini kebanyakan saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur juga disenaraikan di Bursa Saham Singapura. Oleh itu, langkah untuk memisahkan kedua-dua Bursa ini akan mempunyai implikasi yang luas kepada ekonomi kita. Oleh yang demikian, perkara ini perlu dikaji dengan teliti dan mendalam. Buat masa ini Kerajaan belum membuat apa-apa keputusan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang perkara forward contract, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa aktiviti forward contract berlaku di kalangan pelabur-pelabur di pasaran saham kita. Kerajaan juga sedar bahawa sekiranya aktiviti ini tidak dikawal ianya akan mengakibatkan kucar-kacir di pasaran saham kita. Oleh itu, KLSE dengan sendirinya telah mengeluarkan satu surat pekeliling pada bulan Disember, 1985 yang melarang segala urusan yang bercorak forward contract, dengan izin. Di samping ini Kerajaan

berfikir dengan adanya Rang Undang-undang ini Fasal 87A segala aktiviti penipuan termasuklah forward contract, dengan izin, akan dikawal.

Mengenai beberapa penipuan yang sering berlaku di pasaran saham seperti manipulasi harga saham, insider trading, dengan izin, dan sebagainya yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, Sandakan dan Petaling Jaya, perlu lagi saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan memang memandang perkara-perkara ini dengan serius dan sudah tentu aktiviti-aktiviti seperti ini tidak digalakkan oleh Kerajaan. Oleh kerana buat masa ini peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Akta Perindustrian Security, 1983 adalah tidak nyata dan lemah, maka adalah sukar untuk Kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Atas sebab ini Rang Undang-undang ini diadakan, maka dengan adanya Rang Undang-undang ini Kerajaan berharap aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja akan dikurangkan bahkan ianya akan dihapuskan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menyentuh tentang penubuhan Jawatankuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk mengawasi perjalanan Pasaran Saham Kuala Lumpur. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat berkenaan, saya menyatakan di sini bahawa cadangan ini adalah baik dan buat masa ini Kerajaan masih sedang menimbang perkara ini. Penubuhan sebuah suruhanjaya melibatkan beberapa aspek penting dan implikasi yang luas, maka ianya akan memakan masa yang lama.

Walaupun bagaimanapun, dengan adanya Rang Undang-undang ini Kerajaan akan menunggu sehingga ia dikuatkuasakan untuk mengkaji sejauh mana kesan Rang Undang-undang ini dapat memperbaiki industri

sekuriti di negara kita sebelum membuat apa-apa keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan dan keterangan yang dibuat ini, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat serta orang ramai terutama pelabur-pelabur sama ada dari dalam atau luar negeri, tidak akan ragu-ragu lagi terhadap keikhlasan Kerajaan dengan menjadikan Bursa Saham Kuala Lumpur sebagai sebuah Bursa Saham yang sihat, kukuh dan stabil. Saya yakin dengan Rang Undang-undang ini keyakinan terhadap industri sekuriti di negara kita akan dipulihkan dengan segera.

Kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan serta cadangan-cadangan yang bernas, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1-56—

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu sebut Fasal 40 ialah mengenai Seksyen 87A yang baru. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapannya ada kata bahawa kelakuan tindakan semacam "forward contract" bukan sahaja ada diharamkan oleh KLSE

dalam satu surat pekeliling, tetapi adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 87 di mana "forward contract" tidak akan dibenarkan oleh kerana mahu mewujudkan satu urusan pasaran saham yang sihat yang boleh mendapat kepercayaan rakyat jelata. Kalau tidak silap itulah apa yang saya dapati. Tetapi apabila saya baca peruntukan sama ada Seksyen 87 atau 87A yang baru yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini, saya tidak nampak dengan nyata bahawa perbuatan "forward contract" adalah diharamkan dan saya mahu tahu kenapa satu peruntukan yang lebih jelas tidak boleh diadakan supaya apa yang berlaku dalam Pan-EI di mana "forward contract" ialah sebab utama menyebabkan kejatuhan Pan-EI dan kejatuhan Pan-EI bukan sahaja satu kejatuhan sebuah syarikat sendiri tetapi pun akibatnya ialah bukan sahaja lain-lain syarikat terjejas tetapi pun dua pasaran saham di dua negara pun jatuh.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Saya timbulkan ini bukan oleh kerana mahu melindungi sesiapa tetapi tujuan saya ialah bahawa perkara semacam ini tidak patut dibenarkan berlaku supaya semua tindakan-tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan, kesihatan pasaran saham kita tidak dibenarkan berlaku. Saya mahu tahu kenapa Kerajaan enggan dengan jelas dan nyata menyifatkan cara-cara "forward contract", adakah oleh kerana ini satu perkara yang berlaku oleh Tan Koon Swan, bekas pemimpin MCA yang sekarang begitu enggan mahu dengan nyatanya. Yang sebenarnya peruntukan ini dan Rang Undang-undang ini akibat daripada krisis Pan-EI tetapi nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sedikit sahaja sebut Pan-EI. Kita tahu oleh kerana ini adalah krisis MCA, skandal MCA, bagaimana beliau boleh berdiri

di sini untuk kemukakan perkara ini tanpa memberi sebab musabab yang jelas mengenai Pan-El yang berlaku. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapannya berkata ini lebih heinous crime daripada BMF dan kita tidak nampak apa-apa peruntukan 87A yang baru ada apa-apa yang sebenarnya boleh mengatasi skandal Pan-El.

Saya rasa ini satu cuai, satu cuai dan bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengatakan mahu mengelakkan perkara-perkara semacam ini apabila partinya pun mahu Yang Berhormat dari Gopeng terus menjadi Ahli Parlimen. Tidak malu bahawa perkara ini satu kesalahan besar sudah berlaku. Kalau ia benar mahu perkara semacam rigging dalam share market tidak akan berlaku, berdiri di sini kemukakan Rang Undang-undang ini untuk mempertahankan pasaran saham, beliau patut menasihatkan Tan Koon Swan letak jawatan! (*Tepuk*). Letak jawatan dengan maruah Parlimen, bukan sahaja dengan maruah Parlimen supaya perkara ini tidak berlaku, oleh kerana Tan Koon Swan, Bil ini perlu!

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Yang Berhormat 36 (6) perkara Tan Koon Swan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu point of order atau penjelasan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of order.

Dato' K. Pathmanaban: Point of order, dia mesti duduk, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat! Dia sudah berkata point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Okay, apa point of order?

Dato' K. Pathmanaban: Saya sudah sebut, duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' K. Pathmanaban: Relevancy. Apa kaitannya jawatan Tan Koon Swan dengan Securities Industry Bill—tidak ada. (Beberapa Ahli: Sebut order). Peraturan Mesyuarat 36 (6), Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 36 (6).

Tuan Lim Kit Siang: 36 (6)—impute improper motive, bukan relevancy. Relevancy di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (1). Ini mengenai dengan "forward contract". Orang yang buat "forward contract" siapa? Tan Koon Swan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan sebut nama.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu cakap mengenai perkara Tan Koon Swan. Kalau perkara Tan Koon Swan, 10 jam pun tidak cukup, perkara "forward contract". Nampaknya MIC pun ada "forward contract". (*Disampuk*), ada "forward contract" takut pun.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sebut bahawa latar belakang dan saya mahu bertanya kenapa "forward contract" perkara-perkara semacam ini tidak dengan nyata ditunjukkan. Tidak guna pura-pura bahawa ini kita mahu untuk mengatasi masalah tetapi.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Boleh, boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Bolehkah saya minta Ahli Yang Berhormat itu yang baru bercakap tadi yang MIC pun ada juga termasuk dalam "forward contract"? Adakah evidence? Bolehkah beritahu dalam Dewan ini MIC ada "forward contract" seperti itu, saya resign dalam Parlimen ini sekarang! (*Tepuk*). Saya cabar!

Tuan Lim Kit Siang: Saya kata sama ada MIC takut.

Dato' S. Samy Vellu: Give evidence, don't talk, give evidence.

Tuan Lim Kit Siang: Beranikah?

Dato' S. Samy Vellu: You give evidence. If you have no evidence, don't talk!

(*Ahli-ahli berdiri dan menyampuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Dato' S. Samy Vellu: Don't talk like a "bodoh"lah you!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Semua Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk! (*Disampuk*).

Dato' S. Samy Vellu: Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Tanjong beri evidence. Buka mulut macam buaya, tidak tahu ada evidence. (*Disampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. (*Disampuk*)

Dato' S. Samy Vellu: You shut up!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: You are a running dog!

Tuan P. Patto: You are the greatest running dog.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat! Sila duduk!

Dato' S. Samy Vellu: I ask for evidence. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tangguhkan mesyuarat selama 10 minit (*Tepuk*).

Persidangan ditempoikkan pada pukul 4.10 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (PINDAAN)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat satu minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Satu minit sahaja?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara "forward contract" mustahak oleh kerana "forward contract" kejatuhan pasaran saham \$10 billion rugi. Saya rasa sangat kesallah apa yang berlaku tadi, dan saya rasa sangat mustahak bahawa khasnya seorang Menteri patutlah dalam Dewan ini menunjukkan satu teladan yang baik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya beri amaran sekarang. Jangan

menyentuh perkara itu. Teruskan ucapan itu dan tidak ada lain lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya boleh menerima amaran bila-bila.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi saya mahu bertanya daripada apa Peraturan amaran ini dibuat. Kalau ada langgar Peraturan, saya menerima, saya mahu tahu. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ini keputusan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Keputusan berasaskan Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit untuk ucapan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi saya mahu tahu kalau ada amaran point or order, dari mana saya melanggar, saya mahu tahu supaya membolehkan ia guide kepada saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sebab itu tidak ada relevant.

Tuan Lim Kit Siang: Relevant itu satu perkara, amaran satu perkara yang lain. Saya rela buang satu minit ini. Saya tidak boleh membiarkan bahawa hak saya dicabuli—itu mustahak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, terima kasih. Saya harap bahawa forward contract ini satu perkara yang mustahak. Saya tanya dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang nampaknya sudah hilang—sudah tukar orang, boleh, tukar kuda, "mid-horse" pun boleh, bila-bila pun boleh—dan saya harap

bahawa satu penjelasan yang baik—tukar horse mid-stream, dengan izin, bukan tukar "mid horse", sangat excited sekarang, tukar horse mid-stream pun boleh, kalau begitu kenapa tadi dia mahu kemukakan Rang Undang-undang ini—saya haraplah satu penjelasan yang baik akan diberi.

Akhirnya tadi apabila dikatakan, untuk penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak buat apa-apa tuduhan terhadap sesiapa tetapi sesiapa yang rasa makan cili pedas, itu lain hal (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, bukan siapa makan cili pedas, siapa yang makan cili, dia merasa pedas (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, sebelum menyentuh tentang forward contract ini, inginlah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa pertukaran ini biasa. Sebenarnya Timbalan Menteri di dalam Kementerian Kewangan ada dua orang, malah siapa-siapa yang hendak jawab pun boleh. Begitu juga dalam DAP pun kadangkala bertukar-tukar juga kuda (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, berhubung dengan "forward contract" ini, pertamanya inginlah saya maklumkan bahawa Kementerian Kewangan dengan kerjasama pihak pentadbiran KLSE telah memberi arahan kepada ahli-ahli mereka supaya tidak melibatkan di dalam forward contract ini, dengan izin, dan sejak arahan itu diberi, tidak ada lagi mana-mana forward contract dijalankan. Itu pertama.

Yang kedua, inginlah juga saya memaklumkan di sini bahawa di dalam Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan ini, terdapat di dalam Fasal 40 di muka 16, seksyen baru 87A (a) dan saya bacakan, "untuk

menggunakan apa-apa peranti, muslihat atau tipu daya untuk menipu". Jadi, ertinya, Tuan Pengerusi, dari segi undang-undang, ini sudah cukup memberi kuasa kepada pihak yang berkuasa untuk menghentikan sebarang kemungkinan berlakunya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi berkenaan dengan forward trading. Dalam pada itu, kalau sekiranya masih lagi terdapat mereka yang degil, macam setengah-setengah orang yang degil, kita boleh juga lagi diberi kuasa mengikut undang-undang asal dia di bawah seksyen 9 (a)—biar saya bacakan:

"Walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Menteri—ertinya di sini Menteri Kewangan—boleh dari semasa ke semasa selepas berunding dengan jawatankuasa terbitan modal, jawatankuasa bursa saham, meminda kaedah-kaedah dan sebagainya hinggalah kepada pindaan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa dan kesan".

Ertinya, Tuan Pengerusi, kita memandangkan bahawa tidak perlulah dinyatakan dengan begitu spesifik sekali, dengan izin, berkenaan dengan kesalahan forward contract ini, kerana banyak lagi kesalahan-kesalahan lain yang mungkin dibuat oleh mereka yang hendak membuat kesalahan. Maka itu kita fikir sepertimana yang saya sudah nyatakan tadi, Fasal 40, seksyen baru 87A (a) ini sudah cukup untuk menahan kemungkinan perlunya forward contract itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Fasal-fasal 1 hingga 56 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah? Teruskan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya tidak ada apa hendak dijawab, Tuan Pengerusi. Itu sahaja yang di

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, belum habis, beliau jawab sahaja dan dalam peringkat Jawatankuasa boleh berdiri bila-bila sebelum diundi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya. Tetapi dia tidak bangun tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Belum diputuskan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tunggu lagi perkara-perkara yang dibangkitkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah baca tadi Fasal-fasal 1 hingga 56 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Selepas itu pencadang Rang Undang-undang, teruskanlah.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju kata "bersetuju".

Tuan Lim Kit Siang: pada peringkat Committee, ini belum diputuskan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk! Yang tidak bersetuju, kata "tidak".

Lebih suara yang bersetuju.

Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN STADIUM MERDEKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Wang Choon Wing): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka tahun 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini yang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan Akta Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1986.

Tujuan pindaan yang dicadangkan adalah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan, dan memperkemaskinikan Akta Perbadanan Stadium Merdeka tahun 1963, supaya Perbadanan tersebut benar-benar dapat memainkan peranannya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini menekankan aspek-aspek berkaitan dengan kuasa-kuasa Perbadanan, keanggotaan Perbadanan, kewangan Perbadanan dan kuasa-kuasa Perbadanan untuk membuat kaedah-kaedah.

Untuk pengetahuan dan makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa pindaan penting yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta ibu bagi membolehkan Perbadanan Stadium Merdeka menubuhkan, mengurus dan menyelenggara mana-mana stadium dan kemudahan lain yang difikirkan perlu—Pindaan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bagi menasihati, atau membantu Perbadanan dalam perkara-perkara berhubung dengan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsinya, serta juga membolehkan Perbadanan memberi kuasa kepada Pengerusi Perbadanan untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa *ad hoc* dari masa ke masa.

Fasal 3 dan 5 adalah bertujuan untuk meminda peruntukan dalam Akta ibu mengenai keanggotaan dan Peraturan Mesyuarat Perbadanan Stadium Merdeka.

Adalah dicadangkan bahawa bilangan orang yang dilantik sebagai ahli-ahli Perbadanan dikurangkan untuk memastikan kelicinan dan kecekapan dalam pengendalian Perbadanan.

Di bawah Akta ibu yang berkuatkuasa sekarang bilangan ahli Perbadanan adalah seramai 16 orang. Pindaan ini mencadangkan bahawa bilangan tersebut dikurangkan kepada 10 hingga 14 ahli sahaja, mereka adalah terdiri dari wakil-wakil Persatuan-persatuan Sukan dan orang-orang perseorangan yang difikirkan dapat memberi sumbangan kepada kemajuan Perbadanan Stadium Merdeka.

Fasal 6 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta ibu. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Fasal ini adalah bertujuan untuk memperkemaskinikan pengurusan kewangan Perbadanan. Di samping itu pindaan tersebut juga akan memperuntukkan mengenai

bayaran-bayaran elaun kepada ahli-ahli Perbadanan dan ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Perbadanan. Bayaran elaun ini adalah merupakan satu kelaziman bagi ahli-ahli Lembaga Perbadanan-perbadanan yang lain. Walaupun demikian, saya percaya bayaran elaun ini tidak akan membebankan kedudukan kewangan Perbadanan Stadium Merdeka oleh kerana ahli-ahli Perbadanan dijangka bermesyuarat 3 atau 4 kali sahaja dalam setahun.

Fasal 7 bertujuan untuk menambah peruntukan baru di bawah seksyen 12 Akta itu bagi memberi kuasa kepada Perbadanan Stadium Merdeka untuk membuat apa-apa kaedah berkenaan dengan penggunaan stadium tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu dengan ini saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1963 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1986 dan dalam perbahasan ini saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan pandangan saya secara ringkas tentang berbagai-bagai aspek Rang Undang-undang pindaan ini.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa setelah meneliti berbagai-bagai pindaan dalam Rang Undang-undang ini, saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah sesuai dan boleh dikatakan bahawa Rang Undang-undang pindaan ini yang dibentangkan pada hari ini adalah bersesuaian dengan masanya kerana Akta asal telah pun berusia lebih daripada 23 tahun dan sedikit sebanyak telah ketinggalan zaman.

Dengan adanya bermacam pembaharuan keadaan saintifik dan dalam zaman moden ini adalah sangat mustahak bahawa kita perlu mengkaji dengan mendalamnya mengenai aspek pentadbiran dan penyelenggaraan sesuatu stadium.

Maka dari aspek ini saya berpendapat bahawa wajarlah Akta Perbadanan Stadium Merdeka ini dikemaskinikan sesuai dengan kehendak-kehendak semasa. Apa yang saya ingin menyatakan dalam perbahasan atas Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah bahawa dengan adanya pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, saya berharap bahawa pihak yang berkenaan dapat meningkatkan lagi cara pentadbiran, cara penyelenggaraan Stadium Merdeka ini. Dan dalam aspek ini saya suka mengesyorkan bahawa sekiranya perlu pegawai-pegawai yang berkenaan dengan pentadbiran Stadium Merdeka ini haruslah dihantar ke luar negeri untuk meneliti macam mana sesuatu Stadium dapat ditadbirkan dengan cara yang baik khususnya dari segi untuk memberikan kemudahan latihan kepada ahli-ahli sukan.

Selaras dengan pindaan-pindaan ini adalah juga saya menyarankan di sini supaya setiap stadium di negara kita haruslah juga diperbadankan dan mempunyai undang-undangnya sendiri yang selaras dengan Akta Perbadanan Stadium Merdeka supaya

stadium-stadium tersebut boleh maju. Pada masa ini hampir semua stadium di negara ini adalah di bawah jagaan satu badan yang urusannya tidak menepati kepentingan stadium. Ada setengah stadium diletakkan di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, ada di bawah Majlis Perbandaran, ada pula di bawah Majlis Daerah ataupun Majlis Tempatan. Keadaan ini pada pendapat saya tidak lagi sesuai kerana penjagaan stadium adalah satu tugas yang khusus, yang memerlukan penyelenggaraan sepenuh masa dan bukan lagi diambil sebagai tugas sambilan.

Di samping itu saya inginlah menyatakan di sini bahawa kebanyakan stadium yang ada di negara ini tidak dijaga, tidak ditadbir, tidak diselenggara dengan baik, bangunannya terbiar, alat-alat sukan tidak dijaga dengan baik dan akibatnya menjadi rosak.

Ada pula alat-alat sukan yang telah usang dan ketinggalan zaman dan tidak dapat digunakan oleh ahli-ahli sukan dalam latihan mereka. Maka dengan keadaan ini menjadikan satu masalah yang serius untuk ahli-ahli sukan di negara kita, dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menitikberatkan tentang begitu pentingnya bahawa dengan adanya pindaan ini maka Stadium Merdeka yang terletak di Ibu Negara kita dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan lebih elok bagi tujuan latihan untuk ahli-ahli sukan. Saya ingin juga membincangkan perkara ini dari segi prestasi ahli-ahli sukan di negara kita memandangkan kepada prestasi yang tidak begitu baik di Sukan Asia yang berlangsung di Seoul baharu-baharu ini. Saya ingin menyoalkan tentang sama ada prestasi mereka adalah tidak bersabit dengan masalah tentang latihan dan sama ada benar bahawa pada hari ini di negara kita tidak ada cukup kemudahan-kemudahan untuk

latihan bagi ahli-ahli sukan yang berpotensi yang boleh menunjukkan prestasi yang lebih baik sekiranya mereka dapat menjalani latihan di satu suasana yang lebih elok. Maka dengan pandangan-pandangan ini saya ingin meminta Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang berat tentang berbagai-bagai pandangan yang telah saya sampaikan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini adalah wajar, adalah sesuai dengan keadaan dan saya harap bahawa dengan kelulusan pindaan-pindaan ini maka ini akan mengakibatkan satu keadaan di mana Stadium Merdeka dapat dimajukan ke suatu peringkat ataupun satu tahap yang lebih baik untuk mendatangkan faedah bukan sahaja untuk orang ramai tetapi apa yang lebih mustahak ialah dengan adanya lebih banyak kemudahan-kemudahan dan latihan untuk ahli-ahli sukan di negara kita. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tapah.

4.48 ptg.

Tuan M. G. Pandithan (Tapah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) Akta Perbadanan Stadium Merdeka 1983 yang dibentangkan baharu-baharu ini. Di sini saya suka mengambil peluang untuk memberi beberapa pandangan dan saya harap pihak Kerajaan akan mengkaji dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan sedia maklum, Stadium Merdeka berusia lebih dari 25 tahun dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada itu tidak mencukupi dari segi kualiti dan kuantiti iaitu bilangan jenis keadaan

dan sebagainya. Ini adalah kerana Stadium ini telah ketinggalan masa dan tidak dibina bagi keperluan tahun 80an walaupun ianya amat sesuai bagi keperluan tahun 50an. Saya suka mencadangkan di sini supaya sekiranya boleh Kerajaan hendaklah memberi satu rombakan kepada kemudahan yang sedia ada dan membaikinya bagi keperluan masa sekarang dan untuk menampung keperluan sukan-sukan antarabangsa yang mungkin diadakan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di sini ialah nama Stadium Merdeka. Kami semua kagum dengan nama ini kerana melambangkan kemerdekaan negara kami. Walaupun begitu saya rasa penghormatan untuk keadaan ini hendaklah diberi kepada Bapa Malaysia Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang berjaya mendapat kemerdekaan untuk negara yang dicintai ini.

Oleh itu saya cadangkan supaya nama Stadium Merdeka ditukarkan kepada Stadium Tunku Abdul Rahman. Ini akan menjadi satu kenangan bagi seorang negarawan seperti itu, lagipun kami sudah pun mempunyai Stadium Hoki Tun Abdul Razak dan juga di India ada Stadium Nehru dan di Indonesia, Stadium Soekarno.

Saya rasa sejarah negara ini mengaitkan Stadium Negara kepada Bapa Malaysia dan beliau harus diberi penghormatan ini. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai. Sila ringkaskan.

5.02 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya cuba ringkaskan. Saya menyokong di atas perbahasan suatu Akta untuk

meminda Akta Stadium Merdeka 1963 yang mana sebentar tadi telah pun diterangkan ulasan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Bagi Fasal 3 bertujuan untuk meminda Seksyen 4 bagi mengurangkan bilangan yang dilantik sebagai ahli perbadanan untuk memastikan kelicinan dan kecekapan dalam pengendalian perbadanan. Dalam soal ini saya amat sukacita menyokong kerana dengan adanya pindaan ini rasa saya dan kekurangan Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik sebagaimana Fasal-fasal yang telah diterangkan tadi Stadium ini di masa yang akan datang akan dapat berfungsi dengan baik dan keadaan yang baik kerana sekarang ini kita lihat dengan keadaan yang serupa ini Stadium ini kadangkala kita lihat berkeadaan yang tidak begitu baik dipandang apabila hendak digunakan sahaja baharu Stadium itu diperbaiki.

Di samping itu juga di dalam perenggan (b) yang sedia ada adalah dipotong kerana pada masa Akta itu diperbuat Stadium Merdeka adalah letaknya dalam Negeri Selangor. Oleh yang demikian Menteri Besar telah diberi kuasa untuk melantik dua orang sebagai ahli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan, bukanlah tidak bersetuju, tetapi saya rasa oleh kerana bagi menghormati Kerajaan Negeri Selangor telah pun memberikan tanah untuk Wilayah Persekutuan ini dan mereka pun rasa saya, apa salahnya dalam soal memperuntukkan Ahli Jawatankuasa ini yang mana di dalam Akta ini mengatakan dilantik dua orang sebagai wakil daripada Negeri Selangor dapat dikekalkan. Di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini ada mengatakan kuasa yang telah diberi kepada Menteri Besar Selangor untuk melantik ahli-ahli tidak lagi perlu. Dengan keadaan tidak perlu ini saya mengharap supaya dalam Akta ini supaya tidak

perlu itu dapat dibatalkan supaya perlantikan yang dua orang dikekalkan.

Soal Fasal 6 yang menyatakan fasal bertujuan meminda Seksyen 9 bagi memastikan kejelasan dan ketentuan dalam menggunakan Kumpulan Wang Perbadanan. Ini juga kita mengharapkan, dengan adanya Ahli Jawatankuasa ini nanti agar perkara-perkara yang tidak anih, yang kita tidak ingini supaya tidak berlaku dan dengan ini juga supaya dalam Akta ini bertujuan untuk memberi elaun kepada ahli-ahli dan dengan adanya elaun ini kemungkinan Ahli-ahli Jawatankuasa yang ditugaskan yang telah pun dikurangkan tadi dapat menjalankan kerja-kerja ataupun usaha-usaha meningkatkan lagi Stadium Merdeka ini dengan baik rasa saya akan dapat berjalan dengan baik dan dengan ini juga saya menyokong di atas elaun yang akan diberi ini supaya dapat diperuntukkan kepada mereka.

Saya mengharapkan juga bagi menggalakkan pemuda dan beliawanis untuk berkecimpung dalam sukan, sebarang sukan yang ada di dalam negara oleh kerana kita melihatkan sebilang-kala negara kita ini menghantar wakil-wakil kita bermain di luar negeri pada awalnya begitu menggalakkan tetapi akhir-akhirnya kita mendapat kekecewaan. Oleh itu dalam masalah ini rasa saya soalnya tidak ada yang benar-benar, pihak Kementerian ataupun lain-lain untuk menumpukan sepenuh masa supaya ahli-ahli sukan kita dapat bekerja dengan baik atau menunjukkan sukan dan juga menunjukkan latihan dengan baik.

Oleh yang demikian saya mengharapkan supaya Stadium ini juga diberi kelonggaran dan kemudahan kepada peserta-peserta sama ada yang di luar ataupun tidak dapat menggunakan Stadium ini dengan penyewaan yang begitu

murah. Dengan keadaan ini dapatlah mereka ini bermain dan kemungkinan apabila bermain di luar negeri, mereka tidak lagi canggung ataupun tersekat kerana mereka telah selalu bermain dalam Stadium tidak bermain di padang-padang dan seterusnya. Oleh itu dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini agar diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

5.08 ptg.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan ke atas Rang Undang-undang ini.

Pada keseluruhannya pindaan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menjelaskan lagi beberapa perkara dalam Akta tahun 1963 supaya kerja-kerja Perbadanan Stadium Merdeka dapat dijalankan dengan lebih licin dan dengan ini saya yakin keberkesanan Perbadanan akan dapat dipertingkatkan lagi. Dengan pindaan ini akan memberi kuasa kepada Perbadanan Stadium Merdeka untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa dan Jawatankuasa Ad-hoc, lebih ramai lagi pakar-pakar sukan atau ahli-ahli sukan yang berpengalaman di bidang berkenaan boleh dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa untuk memainkan peranan dalam memberi khidmat dan nasihat kepada pengguna-pengguna stadium.

Dengan cara-cara ini sudah tentulah pentadbiran Perbadanan Stadium Merdeka dapat dipertingkatkan. Kerja-kerja penyelenggaraan di kedua-dua buah stadium iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara telah diberi penekanan dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan menambah kemudahan-kemudahan asas stadium

supaya sesuai dengan tarafnya sebagai stadium peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah juga menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dan pendapatnya lebih-kurang bersamaan dengan Kementerian saya. Berkenaan dengan syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi supaya menghantar pegawai ke luar negeri untuk melatih supaya dapat mempertingkatkan pentadbiran Perbadanan Stadium Merdeka, saya ingin memberitahu bahawa memang Perbadanan Stadium Merdeka ada cadangan-cadangan semacam itu tetapi oleh kerana kemelesetan ekonomi pada masa ini cadangan itu ditangguhkan buat sementara. Memang betul setengah-setengah Stadium di negara ini di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Saya juga bagi pihak Perbadanan Stadium Merdeka mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang kerana telah memberi keyakinan kepada Lembaga Perbadanan dan memuji-muji keberkesanan Perbadanan.

Berkenaan dengan sukan Asia, memang prestasi tahun ini tidak begitu memuaskan, walaupun kalau dibandingkan dengan tahun 1982, prestasi kali ini adalah lebih baik.

Berkenaan dengan perkara ini, Kementerian saya telah memanggil mesyuarat bersama dengan Majlis Sukan Negara dan juga Majlis Olimpik Malaysia dan Kementerian saya telah meminta pandangan-pandangan, teguran-teguran daripada persatuan-persatuan sukan supaya dapat mengkaji atau mengadakan satu strategi atau cara yang lebih baik untuk mempertingkatkan mutu sukan negara ini.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tapah, mengenai nama Stadium Merdeka itu, saya ingin memberitahu di sini, setakat ini saya cuma boleh memberikan perhatian sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah membuat satu cadangan supaya dua orang Wakil dari Kerajaan Negeri Selangor dikekalkan. Ini saya tidak dapat bersetuju, kerana seperti yang diketahui umum, Kerajaan Negeri Selangor memang telah ada Stadiumnya sendiri.

Berkenaan dengan memberi kelonggaran kepada ahli-ahli sukan supaya dapat berlatih di stadium-stadium itu, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa ini memang satu dasar Perbadanan dan ahli-ahli sukan memang sentiasa digalakkan berlatih di situ dan nasihat dari juru-juru latihan juga diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersangkutan paut dengan pindaan Rang Undang-undang ini telah saya jawab. Perkara-perkara lain yang merupakan pandangan atau cadangan itu akan diberikan perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERPUSTAKAAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972, dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dikemukakan ini yang mengandungi pindaan-pindaan kepada Akta yang saya maksudkan tadi adalah dinamakan sebagai Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1986. Saya percaya Akta yang dikemukakan ini akan mendapat sokongan semua pihak kerana pindaan-pindaan kepada Akta Perpustakaan Negara 1972 telah dibuat dengan tujuan untuk mencerminkan tujuan dan peranan Perpustakaan Negara Malaysia dengan jelas dan sesuai dengan kehendak semasa.

Sukacita saya jelaskan di sini bahawa Akta Perpustakaan Negara 1972 yang ada sekarang telah berkuatkuasa selama hampir 14 tahun. Dalam tempoh itu terdapat perkembangan-perkembangan di dalam bidang Perpustakaan yang memerlukan beberapa peruntukan dalam Akta tersebut dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas peruntukan-peruntukan penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Rang Undang-undang ini mengandungi 8 fasal sahaja.

Fasal 1 mengandungi Tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memberi Tafsiran kepada beberapa istilah. Salah satu istilah penting ialah definasi kepada istilah "Sumber-sumber Perpustakaan" yang mengandungi segala "bahan-bahan perpustakaan", termasuk manuskrip dan bahan bercetak, bahan pandang-dengar, bahan mikroform dan sebagainya yang diterbitkan di dalam dan di luar negeri.

Penggunaan definasi terma sumber-sumber pusat perpustakaan telah diutamakan bagi menggantikan terma bahan perpustakaan yang sedia ada, memandangkan terma ini bertujuan mengandungi skop yang lebih luas.

Fasal 3 bertujuan bagi menunjukkan dengan lebih jelas mengenai maksud-maksud dan tujuan-tujuan Perpustakaan Negara. Dengan pindaan ini, tujuan utama Perpustakaan Negara adalah untuk:

- (1) menyediakan bagi kegunaan jenerasi masa kini dan akan datang satu koleksi kebangsaan sumber-sumber perpustakaan;
- (2) memudahkan penggunaan di seluruh negara ke atas sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri; dan
- (3) menyediakan kepimpinan atas perkara-perkara berkaitan dengan perpustakaan.

Fasal ini juga menyentuh tentang pengurusan dan pengawasan perpustakaan negara serta kuasa-kuasa Ketua Pengarah Perpustakaan

Negara. Sebagai sebuah perpustakaan yang bertempat di kemuncak sistem perpustakaan dalam negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia perlu memperluaskan skop fungsinya supaya ianya dapat memainkan peranan penting dalam penyelarasan sumber-sumber perpustakaan di semua peringkat dalam negara ini. Pindaan yang dicadangkan ini akan memasukkan ciri-ciri baru seperti berikut:

- (i) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat penyerahan kebangsaan bagi sumber-sumber perpustakaan bertujuan untuk memelihara semua terbitan mengenai Malaysia dalam negara ini;
- (ii) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat bibliografi kebangsaan bagi tujuan mewujudkan rangkaian bibliografi dan pengkalan data kebangsaan bagi sumber-sumber perpustakaan dan maklumat di negara ini;
- (iii) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat manuskrip Melayu bagi tujuan memperolehi, mengenalpasti dan mendokumentasi manuskrip Melayu dalam dan luar negeri;
- (iv) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat tumpuan bagi sistem maklumat kebangsaan; dan
- (v) Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat Kebangsaan bagi pinjaman dan pertukaran sumber maklumat.

Di bawah Fasal yang sama, Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab antara lain untuk menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber-sumber perpustakaan untuk memajukan rangkaian perpustakaan

awam dan perpustakaan khusus di seluruh negara selaras dengan piawaian-piawaian tertentu dan untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan rujukan, maklumat referral, reprografi dan pinjaman.

Fasal 4 dan 5 antara lain menyentuh tentang keanggotaan Lembaga Penasihat serta peraturan mengenai mesyuarat Lembaga. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta adalah berupa pindaan-pindaan yang berbangkit atau pindaan-pindaan kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan itu, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa satu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.23 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972 [DR. 16/86].

Sebagaimana yang kita ketahui, Akta Perpustakaan Negara telah diluluskan pada tahun 1972 dengan mewujudkan sebuah Jabatan dikenali sebagai Arkib dan Perpustakaan Negara. Disebabkan sambutan yang menggalakkan dan perkembangan yang begitu pesat, maka mulai tahun 1977 Arkib Negara dan Perpustakaan Negara dipisahkan menjadi Jabatan Persekutuan yang tersendiri.

Perkembangan Perpustakaan Negara terus pesat menyebabkan Akta asal 1972 tidak berupaya mencerminkan dengan jelas kehendak dan keperluan semasa. Lantaran itu usaha pun dimulakan untuk membaiki dan mengemaskinikan Akta tersebut dengan cara membawa pelbagai cadangan pindaan sebagaimana yang tertera di kertas biru Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan) DR. 16/86.

Saya percaya pindaan-pindaan asal 1972 itu dibuat bagi memenuhi tiga matlamat utama penubuhan dan pengurusan Perpustakaan Negara:

- (i) menyediakan bagi penggunaan jenerasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- (ii) memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan luar negeri; dan
- (iii) mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.

Bagi memenuhi ketiga-tiga matlamat yang disebutkan tadi, beberapa perkara penting perlulah diambil kira. Antaranya pada pendapat saya ialah pertama, fungsi Perpustakaan Negara terhadap penubuhan pusat manuskrip Melayu. Tahun lalu Jemaah Menteri telah mencadangkan agar sebuah pusat manuskrip Melayu ditubuhkan di Perpustakaan Negara. Hasilnya tertubuhlah dia dan telah berfungsi dengan baiknya sehingga berupaya menjadi perpustakaan yang terbesar yang mempunyai koleksi Melayu. Sejumlah peruntukan telah diberi terhadap usaha mengumpul dan mendapat balik beberapa manuskrip Melayu di luar negeri. Jemaah Menteri sendiri, misalnya telah memberikan sejumlah peruntukan

sebanyak US\$40,000 atau M\$120,000 untuk tujuan mendapatkan balik beberapa manuskrip Melayu di luar negeri umpamanya di Sri Lanka. Namun ianya masih tidak mencukupi kerana di Sri Lanka sendiri sehingga ke hari ini masih lagi tersimpan kira-kira 35 buah manuskrip Melayu yang tidak diambil kerana ketidakcukupan wang. Malah banyak lagi manuskrip-manuskrip lain yang tidak dapat dikesan di Sri Lanka. Kita bimbang manuskrip-manuskrip ini akan pupus kerana orang Melayu di Siyang berjumlah kira-kira 50,000 orang telah pun pupus bahasa dan identitinya. Kita merasa sangat bimbang warisan intelek budaya Melayu di rantau ini akan turut pupus.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan sahaja manuskrip-manuskrip tersebut boleh didapati di Sri Lanka, malah juga ianya dapat diperolehi di Laden (Belanda), London (England) serta Selatan Afrika dan beberapa buah negara di Eropah yang lain. Mengikut Professor Dr Ismail Hussein, di Laden dan London sahaja terdapat tidak kurang daripada 800 buah manuskrip Melayu dan khabarnya di seluruh dunia manuskrip-manuskrip Melayu tidak kurang daripada 5,000 buah. Oleh itu kita berharap usaha-usaha yang lebih gigih diperlukan bagi membawa balik manuskrip-manuskrip tersebut. Kita cuba mendapatkan salinan-salinan tersebut dalam bentuk micro-film dan facsimile. Kerajaan patutlah bersedia untuk mengadakan perundingan-perundingan yang lebih kerap dan berkesan dalam usaha mendapat balik khazanah-khazanah warisan budaya yang tidak ternilai harganya itu.

Kedua, peranan Perpustakaan Negara dalam usaha mengadakan, dengan izin, main frame computer. Berkaitan dengan peranan Perpustakaan Negara terhadap penggunaan komputer, sejumlah \$3.7 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia

Kelima bagi mengadakan, dengan izin, National Bibliographic Data Base dan National Bibliographic Network. Tujuannya adalah bagi menyenangkan dan memudahkan semua perpustakaan dalam negara ini mempunyai, dengan izin, on-line linkage dengan Perpustakaan Negara terutamanya bagi memenuhi permintaan pengguna-pengguna perpustakaan secara semerta, mengetahui bahan dan tempat di samping mengemaskan data-data dan rekod-rekod perpustakaan secara sistematik. Masalahnya peruntukan sebanyak yang dinyatakan itu masih lagi tidak diberikan. Masalah ini makin hari menjadi bertambah rumit bilamana Perpustakaan Negara kini berkembang begitu pesat. Kini Perpustakaan Negara mempunyai setengah juta koleksi. Walaupun Perpustakaan Negara mempunyai micro dan mini komputer yang diperolehi secara hadiah, namun amatlah sukar dan menyeksakan untuk mengendalikannya dengan pertolongan komputer kecil yang kurang, dengan izin, up-to-date itu. Jadi kita minta supaya peruntukan dan komputer yang lebih sistematik, besar dan berkesan diberikan kepada Pustaka Negara.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai fungsi Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Negeri. Fungsi utama Perpustakaan Negara dengan Perbadanan Awam Negeri ialah memudahkan penubuhan rangkaian perpustakaan awam di seluruh negara berdasarkan piawaian-piawaian yang ditetapkan. Sebahagian besar peruntukan pembangunan awam di peringkat negeri diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perpustakaan Negeri. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, saya difahamkan sebanyak \$10.12 juta diperuntukkan kepada Perpustakaan Negara untuk diagih-agihkan, dibahagi-bahagikan kepada Perbadanan Awam Negeri bagi

berbagai tujuan, antaranya ialah untuk mengubahsuaikan bangunan, mengadakan perpustakaan bergerak, mengadakan dan mengumpulkan koleksi asas. Persoalannya, peruntukan sebanyak itu masih belum mencukupi memandangkan perkembangan perpustakaan di seluruh negara begitu pesat dan apakah peruntukan sebanyak \$10.12 juta itu tentunya dapat atau tidak. Kalau dapat, baguslah, kalau tidak dapat, wujudlah berbagai masalah. Antaranya berlakulah perkembangan ilmu yang tidak seimbang terutamanya di negeri-negeri muundur dan kawasan-kawasan pedalaman.

Perlu dinyatakan bahawa boleh dikatakan seluruh daerah dalam Malaysia kini memerlukan perpustakaan. Begitu juga boleh dikatakan bahawa hampir seluruh perpustakaan di 13 buah negeri kesemuanya menghadapi kesesakan dan keperluan ruang bacaan yang lebih baik. Bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan agar semua Kerajaan Negeri memberikan peruntukan semasa, dengan izin, recurrent expenditure, kepada semua Perpustakaan Awam Negeri, tidak lagi bergantung kepada Perpustakaan Negara yang diperolehi daripada Kerajaan Pusat sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, bangunan dan perkembangan Perpustakaan Negara. Sejauh ini perkembangan Perpustakaan Negara sangatlah pesat. Perpustakaan Negara mempunyai 240 orang kakitangan, bahan-bahan koleksi sejumlah setengah juta, tambahan koleksi sebanyak 50,000 setiap tahun, kehadiran pengguna yang begitu ramai—purata antara 900 sehingga 1,000 orang di bahagian rujukan; 1,500 orang di bahagian pinjaman, malah di hari Sabtu terlalu sibuk, tidak ubah macam pasar, lebih daripada 2,000 orang hadir pada hari-hari yang dimaksudkan, iaitu hari Sabtu.

Sebenarnya ini merupakan satu pertanda baik bahawa masyarakat Malaysia suka membaca dan cintakan ilmu. Oleh itu bangunan Perpustakaan Negara yang ada sekarang di Jalan Raja Laut tidaklah lagi sesuai untuk digunakan, kita perlu bina bangunan sendiri. Saya difahamkan bahawa terdapat 5 ekar tanah di Jalan Tun Razak untuk pembinaan bangunan Perpustakaan Negara. Khabarnya kerja-kerja asas sudah dibuat, pelannya hingga ke "piling drawing", dengan izin, pun sudah disediakan. Jabatan Perpustakaan Negara pun bersedia buat dan keluar tender.

Saya juga difahamkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima peruntukan sebanyak \$35 juta telah disediakan untuk disudahkan dalam masa kira-kira 2 tahun atau 20 bulan. Persoalannya, peruntukan sebanyak itu belum lagi diberikan. Sekiranya wang tidak mencukupi, saya mencadangkan agar sebahagian daripadanya diluluskan terlebih dahulu, mudah-mudahan Fasa 1 boleh dibuat terlebih dahulu, bukan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapat tahu bahawa kira-kira 10 tahun dahulu iaitu pada tahun 1975 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteriinya ketika itu Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui, telah menubuhkan satu tabung derma dan dilancarkan bagi membina Perpustakaan Negara. Hasilnya sebanyak \$2 juta telah dikumpulkan, duit itu masih ada dan disimpan dengan baik. Oleh itu seharusnya menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi memastikan bahawa wang sejumlah \$2 juta itu dapat memenuhi matlamat kutipannya iaitu membina bangunan Perpustakaan Negara. Saya kira penderma-penderma telah pun mulai tua, uzur dan akan pergi, oleh itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat itu minta penjelasan, boleh beri atau tidak?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, sila.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tadi Ahli Yang Berhormat kata "Fasal 1"—adakah "Fasal 1" ataupun "Fasa 1"?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: "Phase One", dengan izin.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Oleh itu amatlah molek setelah 10 tahun mereka menderma, ada yang suku juta, ada yang banyak lagi, perlulah melihat bangunan Perpustakaan Negara itu dibina secepat mungkin sebelum mereka itu pergi, saya pun akan pergi juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Perpustakaan Negara perlu dibina segera memandangkan bangunan sekarang adalah sesuai untuk ruang pejabat iaitu hanya sesuai bagi menampung beban dalam kadar 80 paun untuk satu kaki persegi, walhal mengikut standard perpustakaan antarabangsa, suatu bangunan yang hendak dibina mestilah berkeupayaan menampung kira-kira 150 paun satu kaki persegi. Ertinya bangunan di Jalan Raja Laut yang ada sekarang hanya sesuai untuk dijadikan pejabat, bukan perpustakaan.

Selain daripada itu bangunan ini juga agak sesak. Sebahagian bahan-bahannya telah disimpan di Segambut dan di dua tempat di Jalan Raja Laut. Oleh itu ini menimbulkan kesukaran pentadbiran, pengawasan, perhubungan, keselamatan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyedari bahawa dalam ASEAN hanya Malaysia sahaja yang masih

belum mempunyai bangunan Perpustakaan Negara sendiri. Ini sangatlah perlu kerana ianya mencerminkan identiti negara, memenuhi keperluan semasa, kehendak pengguna, perkembangan keilmuan dan keintelektualan generasi Malaysia sebagaimana yang diperuntuk dan diperkatakan di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di sini.

Kita juga menyedari bahawa memiliki bangunan sendiri adalah lebih baik daripada menyewa bangunan lain seperti yang ada sekarang dengan kadar \$1.5 juta setahun seperti yang berlaku. Adalah baik wang \$1.5 juta itu dikumpul-kumpul dan dibina bangunan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin melihat fungsi Perpustakaan Negara sebagai, dengan izin:

- (1) ISDS;
- (2) ISBNs;
- (3) AGRIS;
- (4) IDBE.

Saya terangkan satu-satu:

- (1) Perpustakaan Negara sebagai pusat ISDS, iaitu dengan izin, International Serial Data System, di mana butir-butir mengenai majalah tempatan dimasukkan di sana.
- (2) ISBNs—International Standard Book Number System, bertanggungjawab memberi nombor-nombor khas kepada semua penerbitan.
- (3) AGRIS—Agriculture Information System iaitu memberi maklumat mengenai terbitan-terbitan pertanian yang diberikan kepada Perpustakaan Negara melalui kerjasama dengan Universiti Pertanian Malaysia; dan

- (4) IDBE—International Data Base Excess, dengan izin, melalui mikro-komputer di Perpustakaan Negara sendiri di mana Perpustakaan Negara mempunyai, dengan izin, on-line excess kepada satu "data base" antarabangsa yang terbesar sekali di California, Amerika Syarikat.

Kesimpulan yang saya hendak tonjolkan iaitu bagaimana pentingnya Perpustakaan Negara sebagai sumber utama maklumat bahan dan perpustakaan buku. Oleh itu perlulah kita menyoerakan bangunan untuk dibina di samping memberi bantuan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga kita merasakan bahawa Perpustakaan Negara perlulah berperanan untuk menterjemahkan buku-buku bahasa Inggeris yang bertambah di dalam Perpustakaan itu ke dalam Bahasa Malaysia. Banyak sekali buku-buku akademik, buku-buku keilmuan dibiarkan begitu sahaja dalam bentuk bahasa yang asing, bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa yang lain. Ini kurang mendatangkan manfaat kepada pertumbuhan intelektualisme orang-orang di Malaysia sendiri.

Perkara yang kedua, saya juga ingin mencadangkan bahawa Perpustakaan Negara perlulah memainkan peranan yang lebih besar, yang lebih luas terhadap mengumpul seluruh koleksi di nusantara yang antara lain termasuklah Kerajaan-kerajaan Melayu Pasai, Kerajaan-kerajaan Riau-Acheh, Kerajaan Sailendra, Kerajaan Brunei, Kerajaan-kerajaan Demak dan sebagainya agar warisan generasi Melayu yang terkumpul di dalam bahan-bahan bercetak yang tidak ternilai harganya itu dapat diwarisi dan dimanfaatkan. Saya kira usaha-usaha yang sebegini kurang mendapat perhatian daripada Perpustakaan Negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Perpustakaan Negara kami merasa yakin bahawa sedikit banyak pandangan-pandangan yang dilahirkan itu tadi akan turut membantu usaha Kerajaan dalam menjadikan Perpustakaan Negara sebagai titik tumpuan negara bagi sistem maklumat negara dan gedung ilmu dalam usaha memaparkan warisan intelektual, kesusasteraan negara dan juga suatu koleksi representative di peringkat kebangsaan yang mencerminkan pengetahuan dan kebijaksanaan manusia yang terkumpul.

Oleh hal yang demikian, saya tanpa ragu-ragu malah menyokong seratus peratus agar Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Perpustakaan Negara, 1972 diluluskan dengan suara majoriti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Seputeh.

5.41 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian membahaskan atas satu Rang Undang-undang mengenai Akta Perpustakaan Negara, 1972.

Tuan Yang di-Pertua, sejak hari kemerdekaan dalam tahun 1957, usaha-usaha dan program-program telah dikemukakan untuk membina sebuah negara yang stabil dengan pesat untuk menemui kehendak-kehendak. Negara ini mestilah mempunyai satu populasi yang cenderung terhadap pendidikan dalam masa remaja. Seperti mana yang dinyatakan bahawa knowledge is power, dengan izin, Kerajaan patut memberi generasi muda dengan kemudahan-kemudahan perpustakaan di tempat-tempat yang terpencil dan bukan sahaja berpusat di bandar.

Perpustakaan di sekolah patut dibekalkan dengan buku-buku pengetahuan dan bukan dihadkan dengan buku-buku teks sahaja. Perpustakaan Bergerak yang telah diperkenalkan hanya dapat memberi perkhidmatan yang terhad oleh sebab buku-buku yang dibawanya adalah amat kurang. Kehendak seseorang ibubapa ingin memberi kepada anak-anak mereka dengan tempat yang sesuai untuk belajar dan menyelidik tanpa kekacauan. Bukan semua murid-murid hari ini bernasib baik mendapatkan bilik belajar sendiri. Maka Kerajaan patut memperuntukkan perpustakaan bagi murid-murid yang malang itu. Kempen-kempen patut diadakan untuk menggalak dan menanamkan sifat gemar membaca kepada setiap pemuda-pemudi, misalnya, membaca suratkhbar yang dianggapkan sebagai satu bahan bacaan yang mula sekali. Ini tidak lebih daripada 20% populasi negara ini yang gemar membaca buku-buku. Peratusan ini adalah amat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kegemaran membaca dapat memenuhi masa lapang pemuda-pemudi daripada keruntuhan moral dan akhlak. Kawalan-kawalan patut diambil oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan lain-lain pertubuhan pelajaran mencegah penjualan buku-buku lucah, keganasan khususnya gerai buku yang terletak di "five-foot way", dengan izin, di kaki lima. Kebanyakan buku-buku di perpustakaan tidak patut dihadkan kepada Bahasa Kebangsaan sahaja tetapi dalam bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan lain-lain lagi. Mengikut Akta Perpustakaan Negara, salah satu maksud ataupun tujuannya adalah untuk menggalak dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca. Saya suka mencadangkan di sini supaya pihak yang berkenaan atau

Menteri yang berkenaan dapat menjalankan satu kempen secara kebangsaan untuk menggalakkan kegemaran membaca buku oleh kerana ini dapat meningkatkan peratusan kegemaran membaca buku di negara kita.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

5.46 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) yang dibentangkan dalam Dewan ini di bawah DR No. 16/86.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sentuh mengenai ucapan saya, saya juga ingin menyentuh mengenai ucapan rakan saya dari Marang tadi yang mana di antaranya, ia telah mencadangkan supaya bangunan baru Perpustakaan Negara itu diubah. Saya bersetuju sangat oleh kerana di negeri-negeri pun kita telah ada bangunan sendiri. Perpustakaan Negeri sendiri. Ini pula di peringkat Kebangsaan, sepatutnya ada satu bangunan khas dan ucapan tersebut adalah ucapan yang cukup bernas yang telah disediakan dengan begitu rapi. Inilah di antara ucapan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sentiasa dibuat dengan rapi dan kemas tanpa menyakiti mana-mana pihak.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang Akta ini iaitu di bawah bahagian 2, di bawah tugas Ketua Pengarah, (g) menggalakkan dan menyelaraskan perkembangan dan penggunaan sumber-sumber Perpustakaan di negara ini. Saya ingin menyentuh tentang sikap membaca. Saya bukan meniru dari ucapan sesiapa, saya sudah bersedia daripada

awal lagi dan saya ingin mencadangkan cara-caranya.

Yang pertamanya, walaupun kita dengar dan kita mendapat maklumat bahawa banyak orang menggunakan perpustakaan tetapi kegemaran ataupun sikap membaca itu adalah masih kurang. Kita tidak mahu perpustakaan yang sepatutnya tempat perpustakaan ini digunakan sebagai tempat membaca tetapi orang jarang menggunakan perpustakaan. Kita dapati di antara perkara yang penting yang saya setuju patut diambil perhatian, iaitu sumber-sumber bacaan itu biarlah sesuai dan selaras dengan kehendak orang yang membaca. Kemudian kita lihat tiap-tiap Perpustakaan Negeri ada Perpustakaan Bergerak, dan sedih sekali Perpustakaan Bergerak ini, saya tidak tahu di mana silapnya, jarang sekali digunakan. Saya pernah melihat Perpustakaan Bergerak di salah sebuah negeri di tanahair, saya tidak mahu sebut nama, nanti negeri yang berkenaan marah pula ataupun negeri itu tidak banyak orang membaca, sebab bukan niat saya untuk menyakiti orang.

Saya pernah lihat sampai tiga jam cuma saya seorang sahaja yang membaca, walaupun bahan-bahannya itu tidak sesuai untuk bacaan saya, kebanyakannya bahan-bahan untuk kanak-kanak. Dengan ini sesuatu harus dibuat supaya kempen untuk membaca terutamanya bagi Perpustakaan Bergerak ini digunakan dengan sepenuhnya. Jangan kereta itu pergi tunggu daripada pukul 8.00 pagi sampai 12.00 tengah hari, cuma yang membacanya ialah Pembantu Perpustakaan dengan pemandunya sahaja dan tiada orang yang ingin menjenguk ataupun meminjam buku dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin tegaskan perpustakaan ialah tempat untuk kita merujuk dan kita membaca. Pembacaan ini di antara

perkara yang paling popular alat-alat pandang dengar, alat-alat yang boleh kita lihat. Kita ambil contoh sebagai TV. Orang suka tengok TV. Apa sahaja yang ada dalam TV kadang-kadang kita tengok. Jadi, salah satu daripada cara kempen yang paling berkesan ialah kempen yang harus kita buat melalui TV. Sebab kadang-kadang kita buat ulasan buku di radio dan sebagainya orang jarang dengar. Tetapi kalau kita tengok dengan mata kepala kita sendiri mungkin ianya memberi kesan yang lebih baik kepada penonton, terutamanya kanak-kanak.

Sebagai contohnya, kita sering mengadakan peraduan-peraduan seperti peraduan Teka Ria dalam TV dan sebagainya, mengapa kita tidak boleh buat peraduan membaca buku ataupun peraduan berhubung dengan pengetahuan am tentang buku-buku yang dibaca.

Contohnya, orang-orang yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan tersebut disyaratkan membaca sepuluh buku sebagai contoh dan kita bertanya soalan daripada sepuluh buku dan kita lihat sejauh mana mereka faham. Jangan baca sahaja tidak faham tentang peraduan tersebut. Ini cara yang boleh orang kata menggalakkan orang terus membaca dan minat membaca ini walaupun baik tetapi orang nampak tidak baik sebab kadang-kadang orang kata baca buku bukan boleh dapat duit dan sebagainya. Tetapi kita kena fahamkan bahawa membaca ini bukan tujuan tersebut tetapi ada juga maksud-maksud lain.

Akhir sekali, saya hendak menyentuh tentang saranan salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi iaitu supaya ada berbagai bahasa. Inilah susahnya. Tidak tahulah, saya rasa mengikut pengalaman saya setakat yang saya pernah pergi ke Perpustakaan Negara, Perpustakaan-perpustakaan di universiti semua bahasa diadakan di

sana. Jadi orang yang pernah masuk perpustakaan dia tahulah. Itu sebab saya rasa kalau hendak bercakap berhubung dengan perpustakaan itu mestilah kita pergi sana dan kita membaca sedikit apa di perpustakaan. Kalau kita tidak baca, jadi susah. Itu sebabnya kadang-kadang kita silap memberi pandangan.

Selaras dengan itu saya hendak cadangkan, sebab kita lihat di antara yang telah disebutkan tadi iaitu berhubung dengan sejarah dan juga sejarah bangsa-bangsa dan kebudayaan. Saya ingin menyentuh iaitu di samping kita menggalakkan pengumpulan sumber-sumber perpustakaan mengenai kebudayaan rakan-rakan kita Tionghua, India dan lain-lain lagi, saya juga mencadangkan satu perpustakaan yang boleh kita namakan perpustakaan Islam iaitu di mana koleksi-koleksi berhubung dengan agama Islam dibuat.

Pada masa sekarang ini kita lihat banyak perpustakaan orang kata meletakkan pelbagai, jadi biarlah dia khusus sedikit. Ada perpustakaan yang khusus katakanlah perpustakaan Islam ataupun perpustakaan yang bercorak kebudayaan. Walaupun dalam Perpustakaan Negara dia ada seksi-seksinya, tetapi biarlah ada perpustakaan khas untuk itu. Dengan ini memudahkan kita membuat rujukan.

Jadi, demikian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Akta untuk meminda Akta Perpustakaan Negara 1972.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

5.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima

kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat daripada Marang, Seputeh dan Arau yang telah pun mengambil bahagian di dalam menyokong Rang Undang-undang yang baru kita bentangkan sekejap tadi. Rata-rata daripada ucapan ketiga-tiga Yang Berhormat ini telah memberi sokongan dan pendapat mereka masing-masing di dalam bagaimana usaha-usaha kita bagi memperbaiki, mempertingkatkan, memperelokkan dan mempercantikkan lagi Perpustakaan Negara di negara kita ini.

Di atas pandangan-pandangan itu saya menyimpulkan kepada beberapa perkara sahaja. Walaupun banyak yang diperkatakan oleh ketiga-tiga Yang Berhormat, tetapi ianya berkisar sekitar bangunan, dan cara koleksi buku-buku dan cara kita mempertingkatkan bacaan di dalam negara kita ini.

Mengenai kempen membaca ini, sukacita saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa usaha-usaha ini ada juga dibuat oleh Kementerian Pelajaran melalui "Kempen Menggalakkan Membaca" dan oleh Perpustakaan-perpustakaan Negeri. Dan kita di Perpustakaan Negara memang sentiasa memberi kerjasama di dalam apa bentuk usaha ke arah mempertingkatkan kempen membaca di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, banyak perkara-perkara yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang untuk memperbaiki Perpustakaan Negara kita dengan mencadangkan beberapa perkara seperti ISDS, ISBNS, AGRIS, IDBE dan lain-lain. Tetapi perlu saya nyatakan di sini cadangan-cadangan ini tidak dapat dilaksanakan jika sekiranya kita tidak mempunyai kewangan ataupun bangunannya yang tersendiri. Oleh kerana itu, Perpustakaan Negara di

bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang mengatur langkah-langkah untuk mendirikan sebuah bangunan bagi Perpustakaan Negara yang tersendiri iaitu kita telah pun dapat sebidang tanah seluas 5 ekar di Jalan Tun Abdul Razak untuk bangunan Perpustakaan Negara kita ini.

Jawatankuasa Piawai dan Kos, Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan ruang lantai 230,000 kaki persegi untuk bangunan ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah meluluskan sejumlah \$35 juta untuk bangunan Perpustakaan Negara Malaysia termasuk alat perkakas, perabut dan kelengkapan. Tambahan sebanyak \$3.7 juta telah diluluskan untuk pemasangan sebuah sistem komputer kerangka besar. Walau bagaimanapun, pada tahun 1986 ini tidak ada peruntukan kewangan yang kita terima untuk memulakan projek bangunan ini. Peruntukan sebanyak \$13,300 juta telah diperakukan untuk memulakan projek dalam tahun 1987, insya Allah.

Sementara itu kerja-kerja dokumentasi sedang berjalan mengikut jadual tetapi tawaran kerja tidak akan dibuat. Begitu juga dengan kerja-kerja struktur tidak akan dimulakan tanpa kebenaran bertulis dari Unit Perancang Ekonomi.

Selain daripada peruntukan kewangan di bawah Rancangan Malaysia Kelima itu, Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai sejumlah \$2 juta dalam simpanan Kumpulanwang Perpustakaan Negara iaitu kutipan daripada orang ramai untuk projek bangunan yang dikutip dalam tempoh 1975-1979 sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.01 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi pengumpulan, pemuliharaan, pengawalan bibliografi dan penggunaan bahan perpustakaan yang

diterbitkan di Malaysia dan untuk menyediakan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tujuan Akta yang dicadangkan adalah untuk menggantikan Akta Pemuliharaan Buku-buku 1966 kerana Akta tersebut tidak lagi dapat memenuhi kehendak semasa. Akta Pemuliharaan Buku-buku 1966 mempunyai beberapa kelemahan. Skop Akta tersebut adalah terhad. Akta itu terlalu menekankan kepada bahan bercetak sahaja, walhal pada masa ini bahan perpustakaan juga mengandungi maklumat penting yang dirakamkan dalam beberapa bentuk media. Bahan-bahan ini juga merupakan bahan rujukan dan bahan penyelidikan penting bagi negara ini. Akta Pemuliharaan Buku-buku 1966 mewajibkan penerbit-penerbit di negara ini menyerahkan dua naskah buku-buku yang diterbitkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dan satu naskah kepada setiap institusi lain yang diwartakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Hingga setakat ini, 8 buah institusi telah diwartakan dan bilangan ini dijangka akan bertambah apabila institusi-institusi baru ditubuhkan. Peruntukan ini membebaskan penerbit-penerbit tempatan yang seringkali menghadapi masalah pemasaran terbitan mereka terutamanya terbitan-terbitan yang mahal. Akta yang ada kini tidak ada peruntukan perundangan bagi institusi-institusi yang menerima bahan-bahan terbitan tersebut dipertanggungjawabkan untuk memelihara dan juga untuk menyediakan bibliografi bagi tiap-tiap bahan terbitan yang telah diterima supaya bahan-bahan tersebut dapat dikesan dan dirujuk pada bila-bila masa oleh jenerasi akan datang. Akta tersebut tidak ada peruntukan yang mewajibkan pihak Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai sebuah pusat penyerahan kebangsaan serta menjelaskan peranannya

mengenai pemuliharaan bahan-bahan terbitan di negara ini. Oleh kerana kelemahan-kelemahan yang tersebut, adalah dicadangkan Akta Pemuliharaan Buku-buku 1966 dimansuhkan dan digantikan dengan satu Akta baru yang bertajuk Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas beberapa peruntukan penting yang terkandung di dalam Rang Undang-undang bertajuk Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986. Rang Undang-undang ini mengandungi 11 Fasal. Skop Rang Undang-undang ini telah diperluaskan, khususnya mengenai definisi bahan perpustakaan. Istilah di bawah Rang Undang-undang ini merangkumi bahan perpustakaan yang bercetak seperti buku, terbitan bersiri, peta, carta, poster dan bahan perpustakaan yang tidak bercetak seperti filem sinematograf, mikroform, piring hitam, rakaman video dan audio dan media elektronik yang lain yang dihasilkan dalam negara. Kesemua bahan perpustakaan tersebut merupakan hasil pemikiran kreatif warisan negara ini yang perlu dikenalpasti dan dipelihara supaya bahan-bahan tersebut dapat dikesan dan dirujuk pada bila-bila masa oleh generasi akan datang. Tafsiran mengenai istilah ini boleh didapati di Fasal 2 dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Di bawah Fasal 3, Perpustakaan Negara Malaysia telah dinamakan sebagai Pusat Penyerahan Negara bagi tujuan pengumpulan, pemuliharaan dan pengawalan bibliografi bagi semua bahan perpustakaan keluaran negara. Dengan wujudnya pusat tersebut di Perpustakaan Negara Malaysia, pihaknya diwajibkan untuk menguatkuasakan Akta yang dicadangkan ini. Rang Undang-undang ini juga ada peruntukan bagi

pihak Perpustakaan Negara Malaysia menanda perjanjian dengan mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan yang mempunyai keupayaan dari segi kepakaran dan kemudahan untuk memelihara bahan-bahan perpustakaan tersebut. Tujuan Fasal ini merupakan satu usaha untuk memastikan bahawa keseluruhan koleksi tersebut tidak akan termusnah sekiranya Perpustakaan Negara Malaysia dilanda bencana.

Fasal 4, Rang Undang-undang ini adalah untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan penyerahan terbitan kepada institusi-institusi yang kian bertambah dari semasa ke semasa. Ini adalah bertujuan untuk meringankan beban kepada penerbit-penerbit akibat penguatkuasaan Akta sekarang. Di bawah Rang Undang-undang ini penerbit-penerbit hanya dikehendaki menyerahkan 5 naskah bahan perpustakaan yang bercetak dan 2 naskah bahan perpustakaan yang tidak bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

Fasal 4 dan 7, Rang Undang-undang ini membolehkan pihak Perpustakaan Negara Malaysia membayar kos bahan-bahan perpustakaan tersebut sekiranya perlu. Kerajaan akan menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi maksud ini.

Huraian mengenai Fasal-fasal lain boleh didapati di dalam Rang Undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, atas asas-asas pertimbangan yang telah saya kemukakan, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Rang Undang-undang Penyerahan

Bahan Perpustakaan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Tidak ada yang bercakap. Tidak perlu jawab oleh Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1967, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendaftaran Jurutera yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1967 telah berkuatkuasa mulai 23hb Ogos, 1972 dengan tertubuhnya sebuah Lembaga Jurutera Malaysia—Lembaga ini adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan mengemaskini satu daftar Jurutera-jurutera bertauliah dan mengawal tatakelakuan dan kesusilaan profesional kejuruteraan pada keseluruhannya.

Akta Pendaftaran Jurutera 1967, ialah satu dokumen undang-undang yang mengandungi hanya 27 seksyen sahaja. Akta ini bertujuan untuk mengawal profesion kejuruteraan pada keseluruhannya.

Semenjak Akta ini berkuatkuasa selama 14 tahun, hanya sedikit pindaan sahaja telah dilakukan dalam tahun 1974, iaitu dengan menerangkan dengan lebih lanjut lagi seksyen yang menghalang mereka yang tidak berdaftar menjalankan tugas-tugas kejuruteraan. Selain dari itu pindaan juga telah dikuatkuasakan bagi menghalang jurutera-jurutera menjalankan tugas sebagai Jurutera Perunding melainkan jika mereka telah mendapat Keahlian Bersekutu (Corporate Membership) dari Institut Jurutera Malaysia dan kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Daripada pengalaman selama 14 tahun menguatkuasakan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 ini, Lembaga Jurutera mendapati bahawa peruntukan di dalam beberapa seksyen Akta ini adalah terlalu longgar dan perlu diperkemas bagi membolehkan Lembaga Jurutera menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Di samping itu pihak Lembaga juga berpendapat bahawa beberapa seksyen baru patut diadakan bagi meliputi perkara-perkara yang penting, yang tidak disentuh dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang. Di

antara pindaan-pindaan yang terpenting ialah seperti berikut:

- (i) Seksyen 7 (a) sekarang adalah mensyaratkan supaya Lembaga Pengarah Pertubuhan/Perbadanan terdiri sepenuhnya daripada Jurutera-jurutera Profesyenal berdaftar; dan
- (ii) Syarat Pertubuhan/Perbadanan itu dipegang oleh Jurutera-jurutera Profesyenal berdaftar. Syarat-syarat ini adalah terlalu ketat bagi Pertubuhan/Perbadanan tersebut menjalankan tugasnya sebagai Jurutera Perunding.

Pada masa ini kebanyakan Projek-projek Perbadanan telah menjadi semakin kompleks dan memerlukan perkhidmatan kejuruteraan. Oleh itu seksyen 7 (a) ini perlu dipinda bagi membolehkan golongan profesyenal lain seperti Arkitek Berdaftar, Jurukur Berdaftar atau mana-mana profesyen yang lain diluluskan oleh Lembaga Jurutera untuk menjadi Pengarah dan memegang saham di dalam Pertubuhan/Perbadanan tersebut. Langkah itu juga adalah perlu bagi membolehkan Jurutera-jurutera Perunding tempatan dapat bersaing dengan konsortium profesyenal dari luar negeri.

Seksyen 10, seksyen kecil 2, seksyen ini berkait rapat dengan seksyen 7 (2). Mengenai pengiktirafan seorang jurutera sebagai seorang jurutera profesyenal. Ada beberapa bantahan bahawa peruntukan sekarang ini memerlukan jurutera siswazah menjadi Ahli Bersekutu Institut Jurutera Malaysia (IJM), dengan izin, Institute of Engineers Malaysia (IEM), iaitu organisasi swasta sebelum mereka boleh menjadi jurutera profesyenal. Pindaan tersebut membolehkan mana-mana jurutera siswazah menjadi jurutera profesyenal dengan menduduki peperiksaan Lembaga Jurutera.

Seksyen 10 (a), seksyen baru ini adalah dicadang bagi membolehkan pengawalan ke atas jurutera-jurutera asing yang berdaftar sebagai jurutera profesyenal.

Pada masa ini terdapat jurutera-jurutera asing di dalam daftar Lembaga Jurutera, walaupun ada di antara mereka tidak ada lagi di dalam negara kita. Pendaftaran mereka tidak dapat dibatalkan kerana tidak ada peruntukan dalam Akta yang membolehkan pembatalan nama mereka, kerana mereka tiada melanggar apa-apa syarat pendaftaran, dengan adanya pindaan ini Lembaga Jurutera akan dapat menentukan sama ada jurutera asing itu patut terus didaftarkan atau dibatalkan.

Seksyen 10, seksyen kecil 4, seksyen ini ada kaitan dengan seksyen 10 (a), di mana ia akan membolehkan jurutera-jurutera warganegara dan bermastautin sahaja diberi pendaftaran tetap warganegara asing akan hanya diberi pendaftaran sementara sahaja. Lain-lain seksyen yang patut juga saya utarakan di sini, ialah seksyen-seksyen yang menyentuh perkara-perkara berikut, seksyen 4 (2) akan membolehkan Lembaga Jurutera memegang harta tanah untuk kegunaannya.

Seksyen 15 (1) dan 17 (2) akan memberi kuasa kepada Lembaga Jurutera untuk membatalkan pendaftaran seseorang jurutera jika ia tidak membaharui pendaftarannya selama lebih dari tiga tahun berturut-turut.

Seksyen 15 (3) akan membolehkan Lembaga Jurutera menggantung pendaftaran jurutera-jurutera yang membuat kesilapan kecil, dahulunya kesalahan kecil pun mengakibatkan pembatalan pendaftaran sepenuhnya.

Seksyen 24A akan mengawal dan mengambil tindakan atas mana-mana majikan yang menggaji sebagai

seorang jurutera orang-orang yang tidak berkelayakan sebagai jurutera atau mereka yang layak tetapi tidak berdaftar kepada Lembaga.

Demikian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada 17 pindaan ke atas seksyen-seksyen yang dicadang dipinda. Seksyen-seksyen yang dicadang dipinda yang tidak disebutkan satu persatu adalah seksyen-seksyen yang bertujuan untuk memperkemaskini dan memberi penjelasan yang lebih tepat ke atas Akta Pendaftaran Jurutera yang berkuatkuasa sekarang.

Dengan itu, saya mencadangkan Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1986 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Jurutera 1987 dibacakan kali kedua sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.22 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyentuh dan mengambil bahagian dalam perbincangan atas Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1986.

Sudahlah negara kita yang kita sangat cintai menikmati lebih kurang empat tahun Dasar Pandang Ke Timur dan sudahlah negara kita membangunkan projek-projek raksaksa sebagai bangunan Daya Bumi, bangunan PERNAS dan juga jambatan yang ketiga besar dalam dunia ini iaitulah Jambatan Pulau

Pinang. Sudahlah negara kita berbelanja lebih kurang \$7 bilion nilai semua projek-projek raksaksa ini tetapi saya merasa sedih—merasa sedih bukan atas mutu pekerjaan sahaja tetapi saya merasai sedih atas tidak ada kegunaan bakat-bakat negara kita sendiri iaitulah bakat juruteraan sendiri.

Saya difahamkan kebanyakan orang-orang engineer adalah orang expatriate dari negara Korea, negara Jepun dan ada segelintir dari negara Jermani. Mengapakah negara ini kekurangan bakat engineering?

Saya difahamkan juga pada dua tiga tahun ini negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi tetapi kita juga ada banyak siswazah engineering dari fakulti kejuruteraan dari universiti tempatan sudah keluar lebih kurang sebanyak 500 orang. Saya diberitahu tidak dapat kerja, jadi orang penganggur. Mengapa tidak dalam dua, tiga tahun ini kita berpeluang memberikan kepada mereka sedikit sedekah untuk hidup tetapi kita memberikan peluang semua ini kepada orang asing. Adakah ini Dasar Pandang Ke Timur sesuai dengan keadaan ekonomi, keadaan pembangunan negara kita? Adakah mutu kejuruteraan semua engineer expatriate daripada negara Korea, daripada negara Jepun atau Jermani lebih tinggi daripada mutu engineering siswazah kejuruteraan dari universiti-universiti tempatan kita? Saya tidak menganggap itu ada berbeza.

Nampaknya sekarang kita ada juga menghadapi masalah jambatan yang ketiga besar dalam dunia ini iaitu Jambatan Pulau Pinang. Kita diberitahu dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, juga ada akui, kita ada menghadapi masalah kejuruteraan, tiang asas yang di bawah, level of the water di Jambatan Pulau Pinang ada yang sudah menghadapi kerosakan, ada yang tidak cukup mutu. Saya difahamkan

juga kita akan menghadapi masalah keruntuhan jambatan ini jika kerja-kerja untuk memperbaiki tiang-tiang asas itu tidak dimulakan dengan secepatnya.

Kita juga sudah menikmati penggunaan jalan, lebuh raya dalam negara ini. Sesiapa yang menggunakan Highway Kuala Lumpur/Seremban ada menikmati keadaan jalan lebuh raya itu. Nampaknya jalan dekat Kajang itu sepatutnya dibuat jalan tanah tetapi sekarang kita buat jambatan (bridge). Walau bagaimanapun, semua projek ini dimulakan dengan tidak cukup kajian, penelitian keadaan tanah dan penelitian tempat. Mengapakah satu jalan kita buat atas tanah sekarang kita hendak korek lagi dan dijadikan satu jambatan di atas. Itulah saya katakan, ini membuktikan bukanlah mutu engineering-kejuruteraan engineer daripada negeri Jepun atau Korea atau Jermani ada lebih tinggi daripada mutu-mutu engineer yang kita keluarkan dari universiti tempatan. Saya merasa sedih bukan sahaja kita buang peluang-peluang pekerjaan untuk siswazah kejuruteraan tempatan tetapi kita juga buang wang iaitu wang yang mereka bawa balik ke negeri masing-masing iaitu gaji-gaji yang tertinggi mereka perolehi.

Hari ini saya difahamkan kita ada cadangan hendak buat projek dan sebahagian kerja telah dimulakan iaitu

projek-projek raksaksa menyambung jalan-jalan lebuh raya di mana-mana yang belum disambung akan diteruskan dan nilai semua projek raksaksa itu lebih kurang \$4 bilion. Kita juga akan mulakan kerja satu projek lagi iaitu Water Project Distribution Network yang bernilai \$1.4 bilion. Kontrek ini sudah diberikan kepada satu consortium termasuk Antah Holdings Bhd dan Biwater Consortium kalau saya tidak salah. Hari ini saya hendak menyentuh sedikit cadangan-cadangan atas projek-projek raksaksa yang kita akan jalankan dalam tempoh dua, tiga tahun mulai tahun ini, apakah cadangan untuk memberi kesempatan kepada siswazah daripada universiti-universiti kita, membuktikan kebolehan mereka, kemampuan mereka untuk menyertai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk! Yang Berhormat dari Petaling Jaya boleh sambung petang esok.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 23hb Oktober, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.